



فليتا بروني  
PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.07 | SUBUH 5.17 | SYURUK 6.36 | DUHA 6.59 | ZUHUR 12.36 | ASAR 3.55 | MAGHRIB 6.33 | ISYAK 7.44 | Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 19

12 FEBRUARI 2025 / 1446 شعبان 13

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

MANISNYA IMAN

"DAN berbuat baiklah kepada ibu bapa, kaum kerabat dan anak-anak yatim serta orang-orang miskin".  
- Firman Allah Subhanahu Wata'alā dalam Surah Al-Baqarah, ayat 83.

## PERUTUSAN TAHNIAH SEMPENA HARI KEBANGSAAN REPUBLIK ISLAM IRAN

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 11 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Dr. Masoud Pezeshkian dan kerajaanserta rakyat Republik Islam Iran bersempena dengan Hari Kebangsaan Republik Islam Iran.

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Dr. Masoud Pezeshkian.**



## Pastikan agihan kurma dilaksanakan dengan sempurna

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 11 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bersabda piyah pengurusan YSHHB hendaklah

memastikan semua jentera yang terlibat memainkan peranan masing-masing ke arah memastikan tidak ada seorang pun tercincir dari menerima kurma peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia di negara ini.

"Ini kerana adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk memastikan amanah yang dipertanggungjawabkan itu dapat ditanai dengan sebaiknya", sabda Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik pada Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena bulan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang diadakan di Dewan An-Naura, Kompleks YSHHB, hari ini.

>> Muka 2

## Memastikan industri hidrokarbon terus berdaya tahan

Oleh : Haniza Abdul Latif

**BERAKAS,** Isnin, 10 Februari. - Sebagai sebuah negara, memastikan bekalan tenaga yang boleh dipercayai, berdaya saing dan mampam adalah penting bukan sahaja untuk kesejahteraan jangka panjang tetapi juga dalam membina ekonomi yang berdaya tahan dan berkembang.

>> Muka 5

## Istiadat Pembukaan Rasmi MMN Ke-21, 26 Februari

Siaran Akhbar : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 10 Februari. - Majlis Mesyuarat Negara (MMN) memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi Musim Permesyuaratan MMN Ke-21 untuk bermula pada Rabu, 27 Syaaban 1446 Hijrah bersamaan 26 Februari 2025 Masihi bertempat di Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, Negara Brunei Darussalam.



Dimaklumkan juga bahawa Musim Permesyuaratan MMN Ke-21 akan dimulakan dengan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN yang akan disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan pengurnianan titah sebagai tanda bermulanya Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN.

Istiadat Pembukaan Rasmi akan disiarkan secara langsung bermula 10.40 pagi menerusi saluran media rasmi Radio Televisyen Brunei.

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH  
**InfoDeptBN**

f Pelita Brunei i pelitabrunei X pelitabrunei

## Berita Utama



BERSAMA memeriahkan Sambutan Hari Kebangsaan

Muka 7



20 peserta memperdengarkan bacaan Al-Quran

Muka 16



KE arah membangunkan tenaga kerja mahir bertaraf dunia

Muka 18



RENCANA

EKSPO Pengajian Tinggi bantu fahami hala tuju pendidikan

Muka 20

# PASTIKAN AGIHAN KURMA DILAKSANAKAN DENGAN SEMPURNA



DULI Yang Taramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengurus Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena bulan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

>> Muka 1

Oleh itu, Duli Yang Teramat Mulia amat percaya, amalan yang berkebajikan yang timbul dari pengagihan kurma kurnia peribadi Kebawah DYMM ini akan mendorong kita untuk terus memperbaiki lagi sistem pengagihan, agar ia akan dapat dilaksanakan dengan sempurna

dan jayanya seperti yang dihasilkan oleh baginda.

Ini, sabda DYTM, adalah bertepatan dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ma'idah, ayat 2 yang bermaksud : "...Dan tolong-menolonglah kamu dalam kebajikan dan ketakwaan dan janganlah tolong-menolong dalam dosa dan permusuhan

(melanggar hukum-hukum Allah)....".

Terdahulu, DYTM bersabda, marilah kita merafakkan kesyukuran kerana dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala juga, Alhamdulillah Kebawah DYMM terus dapat melaksanakan kurnia peribadi baginda pada tahun ini bagi membolehkan semua lapisan masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam berpeluang menikmati buah kurma kurnia peribadi baginda sebagai juadah berbuka puasa di bulan Ramadan yang tidak lama lagi menjelang.

"Semua ini setentunya tidak akan dapat terlaksana tanpa adanya usaha gigih dan bersepadau dari setiap anggota masyarakat yang terlibat. Malah dengan semangat kerjasama dan tolong-menolong sebagai satu pasukan insyaAllah, saya percaya semua cabaran akan dapat diatasi ke arah melaksanakan hasrat murni paduka ayahanda ini," sabda DYTM lagi.

Di kesempatan ini, DYTM merakamkan penghargaan dan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada YSHHB, kementerian dan jabatan kerajaan, pegawai-pegawai

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hasif Matzin

daerah, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Radio Televisyen Brunei, Jabatan Penerangan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Pihak Berkusa Maritim dan Pelabuhan, para sukarelawan serta semua lapisan masyarakat yang terlibat yang telah bekerjasama dengan padu dan kukuh dalam mengurus dan mengendalikan amanah dan

tanggungjawab yang berkebajikan ini dengan jayanya. Sebelum mengakhiri sabda, DYTM berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, semoga Kebawah DYMM akan sentiasa dikurniakan kesihatan dan afiat yang berpanjangan, dimurahkan rezeki dan sentiasa berada di bawah perlindungan dan pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala serta mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

**"SEMUA ini setentunya tidak akan dapat terlaksana tanpa adanya usaha gigih dan bersepadau dari setiap anggota masyarakat yang terlibat. Malah dengan semangat kerjasama dan tolong-menolong sebagai satu pasukan insyaAllah, saya percaya semua cabaran akan dapat diatasi ke arah melaksanakan hasrat murni paduka ayahanda ini".**

| WAKTU SEMBAHYANG |        |                |       |       |        |      |       |      |         |       |  |
|------------------|--------|----------------|-------|-------|--------|------|-------|------|---------|-------|--|
| FEBRUARI MASIHI  | HARI   | SYAABAN HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |  |
| 12               | RABU   | 13             | 5.07  | 5.17  | 6.36   | 6.59 | 12.36 | 3.55 | 6.33    | 7.44  |  |
| 13               | KHAMIS | 14             | 5.07  | 5.17  | 6.36   | 6.59 | 12.36 | 3.55 | 6.33    | 7.44  |  |
| 14               | JUMAAT | 15             | 5.07  | 5.17  | 6.36   | 6.58 | 12.35 | 3.55 | 6.33    | 7.44  |  |
| 15               | SABTU  | 16             | 5.07  | 5.17  | 6.35   | 6.58 | 12.35 | 3.55 | 6.33    | 7.44  |  |
| 16               | AHAD   | 17             | 5.07  | 5.17  | 6.35   | 6.58 | 12.35 | 3.55 | 6.33    | 7.44  |  |
| 17               | ISNIN  | 18             | 5.06  | 5.16  | 6.35   | 6.58 | 12.35 | 3.54 | 6.34    | 7.44  |  |
| 18               | SELASA | 19             | 5.06  | 5.16  | 6.35   | 6.57 | 12.35 | 3.54 | 6.34    | 7.44  |  |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

| RAMALAN CUACA 3 HARI   |        |        |
|--|--------|--------|
| RABU   | KHAMIS | JUMAAT |
| Bandar Seri Begawan  |        |        |
| 31 °C  | 32 °C  | 32 °C  |
| 25 °C  | 26 °C  | 26 °C  |
| Pekan Bangar   |        |        |
| 31 °C  | 32 °C  | 32 °C  |
| 25 °C  | 26 °C  | 26 °C  |
| Pekan Tutong   |        |        |
| 31 °C  | 32 °C  | 32 °C  |
| 25 °C  | 26 °C  | 26 °C  |
| Kuala Belait   |        |        |
| 31 °C  | 32 °C  | 32 °C  |
| 25 °C  | 26 °C  | 26 °C  |
| Wallauhala Bissawab  |        |        |
| Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi |        |        |

www.mef.gov.bn

## SIDANG PENGARANG 12 FEBRUARI 2025

### Industri hidrokarbon tunjang utama ekonomi negara

INDUSTRI hidrokarbon telah sekian lama memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan industri dan kemajuan masyarakat, menjadi sumber tenaga utama dan terus menjadi elemen penting dalam memenuhi permintaan tenaga global yang semakin meningkat.

Sejak penemuan minyak di Negara Brunei Darussalam (NBD) lebih 100 tahun lalu, industri hidrokarbon telah menjadi tunjang utama ekonomi negara, membentuk pembangunan negara serta menyokong kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dari dahulu hingga kini.

Industri tersebut, kekal sebagai penyumbang tunggal terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar negara, memastikan keselamatan tenaga sambil terus mendorong pertumbuhan dan pembangunan ekonomi.

Perkara tersebut antara yang dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa Perasmian Pameran dan Persidangan Teknologi Petroleum (PTEC) Brunei 2025 baru-baru ini.

Jelas Yang Berhormat lagi, sebagai sebuah negara, memastikan bekalan tenaga yang boleh dipercayai, berdaya saing, dan mampu adalah penting bukan sahaja untuk kesejahteraan jangka panjang tetapi juga dalam membina ekonomi yang berdaya tahan dan berkembang.

Walau bagaimanapun, dalam dunia yang berhadapan dengan cabaran perubahan iklim, NBD menyedari bahawa industri hidrokarbon mempunyai tanggungjawab besar untuk mencapai keseimbangan antara keselamatan tenaga, kemakmuran ekonomi dan kelestarian alam sekitar.

Penggunaan teknologi dan pendigitalan semakin penting dalam meningkatkan kecekapan operasi, mengurangkan impak alam sekitar serta mengekalkan daya saing bagi peralihan ke arah masa depan yang lebih mampu.

Menurut Yang Berhormat, adalah tepat pada masanya dan amat kritikal bahawa PTEC yang julung kali diadakan ini, mengangkat tema 'Inovasi untuk Kecekapan dan Kelestarian dalam Industri Hidrokarbon', yang menekankan keperluan mendesak untuk mencapai keseimbangan antara kecekapan operasi, kelestarian, dan daya saing.

Menerusi kerjasama, inovasi, dan ketahanan, akan dapat mengatasi cabaran dan memastikan kemajuan yang berterusan ke arah masa depan tenaga yang selamat dan mampu, selari dengan matlamat Wawasan Brunei 2035.

Melalui PTEC tersebut akan dapat meneroka pelbagai peluang dan manfaat yang ditawarkan, termasuk pameran inovatif yang memperkenalkan penyelesaian canggih dari seluruh dunia, peluang untuk membina hubungan strategik dan kerjasama, dan mewujudkan penyelesaian praktikal bagi membentuk masa depan industri hidrokarbon yang mampu dan cekap. — Ketua Penyuntingan (Rd)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doaa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جا奔 قراغن، جا奔 فردان منتری دان چیتقو اوله قرینت قلس سندیرين بحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# PENGAGIHAN KURMA KURNIA PERIBADI KEBAWAH DYMM



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengurus Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berangkat ke Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena bulan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit,  
Mohammad Hasif Matzin

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Selasa, 11 Februari. - Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena bulan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi diadakan hari ini bertempat di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), di sini.

Berkenan menyempurnakan majlis pelancaran tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,

Pengurus Jemaah Tadbir YSHHB.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah yang dibacakan oleh Imam Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Murat, diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengurus Lembaga Pengarah YSHHB.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II dalam sembah alu-aluannya antara lain menyembahkan bawaan YSHHB telah membuat

pembelian kurma iaitu jenis Safawi sebanyak 159.5 tan metrik dari syarikat pembekal di Riyadh, Arab Saudi iaitu Syarikat Al Mohamadia Dates.

"Kurma yang keseluruhanya berjumlah sebanyak 531,666 kotak kecil, akan dibahagi-bahagikan kepada seluruh rakyat dan penduduk Islam, termasuklah pekerja-pekerja asing yang beragama Islam di negara ini. Seperti lazimnya sifir pembahagian adalah satu kotak kecil dengan berat 300g bagi setiap orang yang beragama Islam tanpa mengira umur," sembah Yang Berhormat.

Menurut sembah Yang Berhormat, seperti pada tahun lepas, penghantaran kurma kali ini adalah kali kedua dengan menggunakan jalur Pelabuhan Dammam, Arab Saudi berikutnya krisis berlarutan hingga kini di persekitaran Laut Merah.

"Alhamdulillah, penghantaran kurma pada tahun ini, menggunakan kapal laut dengan dua kali pelayaran yang membawa keseluruhan 11 unit kontena berhawa dingin," sembah Yang Berhormat lagi.

Pada majlis tersebut juga, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan mengurniakan sabda. Selepas itu, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyempurnakan pengagihan buah-buah kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada wakil-wakil pasukan beruniform, orang awam, penjawat awam (sektor kerajaan), pekerja swasta dan persatuan-persatuan saudara baharu.

Pasukan beruniform diwakili oleh Pemerintah-pemerintah Tentera serta Komandan

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Pengarah-pengarah Jabatan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Manakala orang awam diwakili oleh pegawai-pegawai daerah serta sebahagian ketua-ketua kampung dari keempat-empat daerah. Sementara, penjawat awam dan pekerja sektor swasta diwakili oleh Pengarah-pengarah Jabatan Pengurusan, Pentadbiran dan Tenaga Manusia. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Imam Jame' Asr Hassanal Bolkiah.

Dengan sempurnanya Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia hari ini, maka bermulalah pembahagian buah kurma kurnia peribadi baginda sempena bulan Ramadan 1446H / 2025M kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di Negara Brunei Darussalam.

Pengagihan kurma kurnia peribadi Kebawah DYMM adalah seperti Pemerintah-pemerintah dan Komandan-komandan ABDB serta Pengarah-pengarah Jabatan dan Pegawai-pegawai Pemerintah PPDB akan mengagih-agihkan buah kurma kurnia peribadi ini kepada pegawai-pegawai dan kakitangan di bawah jabatan dan unit masing-masing.

Sementara itu, pegawai-pegawai daerah akan mengagih-agihkan buah kurma kurnia peribadi ini kepada semua penghulu-penghulu mukim (yang memangku jawatan ketua-ketua kampung) dan ketua-ketua kampung dan seterusnya akan mengagih-agihkan buah kurma kurnia peribadi ini kepada anak-anak buah kampung di bawah jagaan mereka masing-masing. Manakala penjawat awam, pengagihan adalah melalui kementerian dan jabatan masing-masing.

Bagi para pekerja daripada sebahagian sektor swasta, pengagihan adalah melalui syarikat masing-masing dan sebagianya adalah melalui ketua-ketua kampung mengikut tempat tinggal masing-masing.

Pengurnian kurma kurnia peribadi Kebawah DYMM ini mencerminkan sikap pemedulian dan kasih baginda, oleh itu adalah wajar bagi seluruh rakyat dan penduduk di negara ini khususnya mereka yang beragama Islam untuk menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah DYMM atas kurnia baginda ini.

YSHHB sangat mengharapkan sokongan dan kerjasama padu daripada semua pihak dalam melancarkan urusan pengendalian pengagihan buah kurma kurnia peribadi seperti yang diharapkan supaya buah kurma kurnia peribadi ini akan diterima dengan baik dan sempurna dan seterusnya dinikmati oleh setiap orang yang beragama Islam di negara ini sebagai juadah berbuka puasa semasa bulan Ramadan nanti.

Turut hadir, Ahli-ahli Jemaah Tadbir serta Pengurus dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Yayasan, Pemerintah ABDB, Pemangku Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Pegawai-pegawai Daerah, dan pengarah-pengarah dari kementerian-kementerian dan jabatan kerajaan dan sektor swasta yang terlibat dalam pengendalian pengagihan buah-buah kurma kurnia peribadi Kebawah DYMM.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menyempurnakan pengagihan buah-buah kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada para penerima (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar bawah kiri, Duli Yang Teramat Mulia ketika berangkat ke majlis berkenaan. Sementara gambar bawah tengah, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II dalam sembah alu-aluannya. Manakala gambar bawah kanan, bacaan Surah Al-Fatiyah yang dibacakan oleh Imam Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Murat.



# KHUSYUK DALAM SEMBAHYANG MELATIH FOKUS, KAWALAN EMOSI



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj bagi Tahun 1446 Hijrah, bertempat di Dewan Bankuet, JPM (atas), manakala gambar bawah kiri, Selawat Tafrijiyyah dan Selawat Ibrahimiyah beramai-ramai yang dipimpin oleh Kumpulan Nasyid, Bahagian Ugama Islam, PPDB. Sementara gambar bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 11 Februari. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Sambutan Israk dan Mikraj bagi Tahun 1446 Hijrah, bertempat di Dewan Bankuet, JPM, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejor Jeneral

(B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir ialah Timbalan-timbalan Menteri di JPM, Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar, Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, jemputan-jemputan khas, ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai dan kakitangan

JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Ash-Shaliheen, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran diikuti dengan bacaan Al-Quran Surah Al-Isra', ayat 9 hingga 15 oleh Ahli Unit Pengawasan Kejiranan, Balai Polis Bandar Seri Begawan, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Lans Koperal (LCPL) 5849 Ahmad Raihan bin Begawan Mudim Haji Matassim.

Majlis diteruskan dengan Selawat Tafrijiyyah dan Selawat Ibrahimiyah beramai-ramai yang dipimpin oleh Kumpulan Nasyid, Bahagian Ugama Islam, PPDB.

Sejurus bacaan selawat, majlis diteruskan lagi dengan Ceramah Khas bertajuk 'Sembahyang Mencerdaskan Minda' yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Bahagian Kaunseling dan Kefahaman Agama, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Yussof bin Haji Abdul Majid.



## Kod pakaian, tatacara semasa di dalam Dewan Persidangan MMN

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 11 Februari. - Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi akan bermula pada Rabu, 27 Syaaban 1446 Hijrah bersamaan 26



Februari 2025 Masihi dengan keberangkatan dan pengurniaan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sebelum Istiadat Pembukaan Rasmi berlangsung, Persidangan MMN akan bersidang untuk meneliti dan mengesahkan Minit Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang telah bersidang pada 2024.

Persidangan berkenaan akan dituguhkan bagi Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN dan Sesi Persidangan MMN akan

disambung bersidang pada Khamis, 27 Februari 2025 bermula pada jam 9.30 pagi.

Persidangan Majlis Mesyuarat tahun ini akan membincangkan perkara yang berkaitan agenda pembangunan negara melalui pertanyaan dan perbahasan serta Rang Undang-Undang (2025) Perbekalan bagi Tahun Kewangan 2025/2026, melalui tiga peringkat sebelum ia dapat diluluskan sepenuhnya dan diwartakan untuk diguna pakai bermula 1 April 2025.

Persidangan MMN akan dipengerusikan oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib dan dibantu oleh Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Huraizah.

MMN terus menjadi forum perbincangan tertinggi negara,

antara Ahli Rasmi Kerana Jawatan bersama Ahli Yang Dilantik terdiri daripada Orang-orang Yang Bergelar, Orang-orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan dan Wakil-wakil Dari Daerah-daerah.

Dalam suasana perbincangan yang harmoni, MMN menyatakan kepentingan rakyat dan kerajaan dengan membincangkan dasar-dasar penting bagi mencapai kemajuan ekonomi yang mampan, kesejahteraan rakyat melalui dasar sosial yang inklusif dan keamanan negara yang berterusan di bawah rahmat Allah Subhanahu Wata'alá.

Sesi Persidangan MMN ini dibukakan kepada orang awam yang berminat untuk melihat dan mendengarkan perbahasan dan perbincangan. Orang awam yang berminat dialu-alukan untuk menghadiri dan menyaksikan sesi perbahasan secara langsung di Dewan Persidangan, sehari selepas Istiadat Pembukaan Rasmi.

Perkhidmatan peralihan bahasa dalam bahasa Inggeris (*translation services in English*) juga tersedia dengan permohonan

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Muhammad Yussof bin Haji Abdul Majid. Awang Muhammad Yussof dalam ceramahnya antara lain mengongsikan mengenai kelebihan sembahyang yang bukan sahaja sekadar ibadah, malahan alat pembentukan minda, disiplin dan integriti.

Menurutnya, kajian psikologi membuktikan bahawa rutin harian yang terstruktur meningkatkan kesihatan mental dan kestabilan emosi.

Tambahnya lagi, azan sebagai peringatan etika, wuduk sebagai penyegaran mental dan khusyuk dalam sembahyang melatih fokus serta kawalan emosi.

Beliau turut menjelaskan bahawa waktu sembahyang yang tetap dapat membantu pengurusan masa dan disiplin diri, selain mencegah perbuatan buruk dan memperkuatkan ketahanan mental.

"Kajian saintifik menunjukkan bahawa sembahyang meningkatkan kognitif, mengurangkan stres, dan memperbaiki daya membuat keputusan yang lebih baik."

"Dengan mempraktikkan nilai sembahyang, kita membentuk



CERAMAH Khas disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Bahagian Kaunseling dan Kefahaman Agama, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Yussof bin Haji Abdul Majid.

tenaga kerja yang lebih berintegriti, beretika, dan produktif dalam kehidupan dan pekerjaan," ujarnya lagi.

Acara sambutan kali ini dipengerusikan oleh Bahagian Sekuriti dan Undang-Undang, JPM dan Radio Televisyen Brunei (RTB) selaku Pengendali Majlis.



### Siaran Akhbar : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

sekurang-kurangnya 24 jam sebelum kehadiran.

Institusi pendidikan juga dijemput untuk membawa para penuntut sebagai pendedahan mengenai MMN termasuk proses perundungan negara dan perbahasan di dalam Dewan Persidangan MMN.

Permohonan lawatan boleh dibuat melalui surat rasmi kepada Urus Setia MMN Ke-21 sekurang-kurangnya lima hari sebelum tarikh lawatan. Saluran komunikasi rakaman persidangan harian boleh diikuti melalui saluran Radio Televisyen Brunei (RTB) Perdana dan RTB Sukmainder pada jam 9.00 malam bagi rakaman sesi pagi dan diikuti lagi pada jam 11.00 malam bagi rakaman sesi petang.

Dokumen Rasmi persidangan seperti Penyata Rasmi (Hansard), Minit Mesyuarat dan Perintah Harian bolehlah diakses melalui laman sesawang [www.majlis-mesyuarat.gov.bn](http://www.majlis-mesyuarat.gov.bn) atau [www.councils.gov.bn](http://www.councils.gov.bn). Maklumat terkini dan perkembangan persidangan, juga

akan diterbitkan dalam Instagram rasmi [@legcobrunei](https://www.instagram.com/legcobrunei).

Pelawat dan orang ramai yang berminat untuk menghadiri sesi persidangan adalah dipohonkan untuk mematuhi beberapa peraturan dan garis pandu persidangan khususnya berkenaan dengan kod pakaian dan tatacara memasuki Dewan Persidangan bagi memastikan keselesaan serta kelancaran sepanjang sesi berlangsung, termasuk kod pakaian rasmi, iaitu pakaian kemas dan sopan seperti yang dinyatakan dalam peraturan; telefon bimbit perlu diaktifkan kepada mod senyap dan tidak dibenarkan mengambil gambar atau video tanpa kebenaran.

Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut bolehlah dikemukakan kepada Urus Setia Persidangan MMN Ke-21, ke alamat Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, Jalan Dewan Majlis, BB3910, Negara Brunei Darussalam atau telefon +673 2380501 atau faks +673 2385500 atau e-mel [majlis.mesyuarat@jmm.gov.bn](mailto:majlis.mesyuarat@jmm.gov.bn).

# MEMASTIKAN INDUSTRI HIDROKARBON TERUS BERDAYA TAHAN



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II ketika berucap.**

>> Muka 1

Namun, dalam dunia yang berhadapan dengan cabaran perubahan iklim, Negara Brunei Darussalam (NBD) menyedari bahawa industri hidrokarbon memikul tanggungjawab besar untuk mencapai keseimbangan antara keselamatan tenaga, kelestarian, dan daya saing.

Menurut Yang Berhormat lagi, adalah tepat pada masanya dan amat kritis bahawa PTEC yang julung kali diadakan ini telah mengangkat tema 'Inovasi untuk Kecekapan dan Kelestarian dalam Industri Hidrokarbon', yang menekankan keperluan mendesak untuk mencapai keseimbangan antara kecekapan operasi, kelestarian, dan daya saing.

Melalui kerjasama, inovasi, dan ketahanan jelasnya, mereka dapat mengatasi cabaran ini dan memastikan kemajuan yang berterusan ke arah masa depan tenaga yang selamat dan mampan, selari dengan matlamat Wawasan Brunei 2035.

"Saya amat berbesar hati untuk melihat bahawa acara ini telah menarik minat yang begitu besar, bukan sahaja daripada peserta tempatan, tetapi juga pakar dan pihak berkepentingan dari seluruh dunia.

"Dengan gabungan pengalaman, pengetahuan, dan kepakaran yang pelbagai dalam kalangan peserta, saya yakin bahawa acara ini akan mencapai matlamatnya dalam beberapa hari akan datang," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menekankan bahawa tindakan yang diambil di sini berpotensi meninggalkan impak yang berkekalan, bukan sahaja kepada negara, tetapi juga kepada industri hidrokarbon di peringkat serantau dan global.

Bersama-sama tambah Yang Berhormat, kita dapat mendorong inovasi, kecekapan, dan kelestarian, memastikan industri

**Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

hidrokarbon terus berdaya tahan dan berdaya saing dalam dunia yang semakin pesat berubah, sambil mengekalkan keseimbangan yang tepat dalam mencapai keselamatan tenaga, kemakmuran ekonomi dan kelestarian alam sekitar sebagai puncak utama.

"Saya berharap dapat meneroka pelbagai peluang dan manfaat yang ditawarkan oleh platform ini, termasuk pameran inovatif yang memperkenalkan penyelesaian canggih dari seluruh dunia, peluang untuk membina hubungan strategik dan kerjasama, dan mewujudkan penyelesaian praktikal bagi membentuk masa depan industri hidrokarbon yang mampan dan cekap.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II juga yakin bahawa acara tersebut akan menjadi pemangkin kepada perbincangan yang bermakna dan kemajuan yang berimpak tinggi.

Semasa acara tersebut, Yang Berhormat dengan sukacitanya mengumumkan bahawa Pihak Berkusa Petroleum Brunei Darussalam akan melancarkan Pusingan Pelesenan Perairan Cetek (Shallow Water Licensing

Round) dan mengalu-alukan penyertaan daripada para pemain industri tempatan dan antarabangsa.

Terdahulu itu, Yang Berhormat berkata, acara yang julung kali diadakan di negara ini, amat bermakna dalam usaha mereka menavigasi perubahan landskap tenaga global.

Industri hidrokarbon menurut Yang Berhormat telah sekian lama memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan industri dan kemajuan masyarakat, menjadi sumber tenaga utama dan terus menjadi elemen penting dalam memenuhi permintaan tenaga global yang semakin meningkat.

"Sejak penemuan minyak di NBD lebih 100 tahun lalu, industri hidrokarbon telah menjadi tunjang utama ekonomi negara, membentuk pembangunan negara serta menyokong kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dari dahulu hingga kini.

"Hari ini, ia kekal sebagai penyumbang tunggal terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar negara, memastikan keselamatan tenaga sambil terus mendorong pertumbuhan dan pembangunan ekonomi," terang Yang Berhormat.

## PTEC 2025 ketengahkan kemajuan teknologi, inovasi terkini

**YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II ketika hadir pada Perasmian Pameran dan Persidangan Teknologi Petroleum (PTEC) Brunei 2025 dan seterusnya menyaksikan pameran (kanan dan bawah).**

**BERAKAS**, Isnin, 10 Februari. - Pameran dan Persidangan Teknologi Petroleum (PTEC) Brunei 2025 mengetengahkan pelbagai teknologi, penyelesaian, dan inovasi terkini melalui sesi perbincangan panel bersama pakar-pakar industri serta pameran yang disertai oleh pemain industri tempatan dan antarabangsa.

Bertemakan 'Inovasi untuk Kecekapan dan Kelestarian dalam Industri Hidrokarbon', acara tersebut dianjurkan oleh Pihak Berkusa Petroleum Brunei Darussalam (PABD) dengan kerjasama Persatuan Jurutera Petroleum (SPE) Bahagian Brunei, Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB) berlangsung sehingga 13 Februari 2025 ini di Pusat Persidangan Antarabangsa



(ICC), Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri di Jabatan

Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri (Keselamatan dan Undang-Undang) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu, selaku Pengurus Lembaga Pengarah Pihak Berkusa Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Kebangsaan (SHENA); Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah selaku Pengurus Lembaga Pengarah PABD; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid serta Timbalan Pengurus Lembaga Pengarah Pihak Berkusa Petroleum.

Juga hadir, Ahli-ahli Majlis

Mesyuarat Negara, Duta-duta Besar, Pesuruhjaya Tinggi, Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan badan berkanun serta syarikat-syarikat.

Pengarah Urusan PABD, Shamir Salahudin selaku Pengerus Jawatankuasa Pengangur PTEC 2025, dalam ucapan alu-aluananya menekankan kepentingan untuk terus memperkembangkan industri dalam menghadapi cabaran yang semakin kompleks, selari dengan tema PTEC 2025 yang menumpukan kepada menangani cabaran serta peluang dalam sektor tenaga global.

Semasa acara tersebut, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II juga menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan acara tersebut, diikuti dengan sesi bergambar ramai.

Yang Berhormat kemudian berdaripada ke Dewan Plenary bagi menyaksikan pameran.

Antara tujuan PTEC 2025 diadakan ialah untuk mengukuhkan kerjasama dan inovasi dalam industri hidrokarbon serta menegaskan komitmen negara dalam memanfaatkan teknologi canggih sebagai kunci utama untuk meningkatkan kecekapan, kelestarian, dan pertumbuhan jangka panjang, selari dengan perubahan landskap tenaga global.

Pameran akan diadakan di Dewan Plenary, ICC dan dibuka kepada orang ramai bermula hari ini dari jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang.

Maklumat lanjut mengenai PTEC 2025 boleh didapati melalui Instagram PABD @petroleum\_authority.bn dan sebarang pertanyaan boleh dihantar melalui e-mel ke brunei.ptec@pa.gov.bn.

# REPUBLIK ISLAM IRAN RAIKAN KEMENANGAN REVOLUSI ISLAM KE-46



**GADONG**, Selasa, 11 Februari. -Bagi meraikan Ulang Tahun Kemenangan Revolusi Islam di



Republik Islam Iran Ke-46 (Hari Kebangsaan Republik Islam Iran), Kedutaan Republik Islam Iran di Negara Brunei Darussalam (NBD) mengadakan Majlis Resepsi yang berlangsung di Songket Ballroom, Rizqun International Hotel, malam tadi.

Hadir selaku wakil Kerajaan NBD, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dan isteri. Hadir sama, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke NBD, Tuan Yang Terutama Mohammad Taghi Rajabi dan isteri.

Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan NBD, 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Kebangsaan Republik Islam Iran, diikuti dengan bacaan

ayat-ayat suci Al-Quran.

Sementara itu, Tuan Yang Terutama Mohammad Taghi Rajabi dalam ucapannya menjelaskan, hubungan diplomatik antara Republik Islam Iran dan NBD telah dijalin sejak tahun 1990. Tahun ini, 2025 tambah Tuan Yang Terutama, menandakan Ulang Tahun Ke-35 Penubuhan Hubungan Diplomatik antara kedua-dua negara.

"Sepanjang tiga dekad yang lalu, kedua-dua negara telah menikmati kerjasama rapat dan hubungan tradisional yang mesra berdasarkan penghormatan dan pemahaman bersama," ujar TYT.

Setakat ini jelas TYT lagi, Japan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama telah diadakan antara kedua-dua negara dan diharap mesyuarat ke-9 akan diadakan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan isteri hadir selaku wakil Kerajaan Negara Brunei Darussalam (NBD) pada Majlis Resepsi. Hadir sama, Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke NBD dan isteri (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar kiri, Tuan Yang Terutama semasa berucap pada majlis tersebut.

tidak lama lagi dalam bidang ekonomi, perdagangan, pelaburan, budaya, pelancongan dan lain-lain.

Kemuncak majlis ialah memotong kek ulang tahun yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bersama dengan TYT Duta Besar Istimewa dan

Mutlak Republik Islam Iran ke NBD.

NBD dan Republik Islam Iran antara dua buah negara yang mempunyai persamaan dari segi sejarah, budaya dan agama serta mempunyai banyak minat sama yang membuat kedua-dua buahnya menjadi lebih rapat dan meningkatkan hubungan serta kerjasama dalam pelbagai aspek.

## Pengagihan kurma kurnia peribadi Kebawah DYMM kepada warga KHEU

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



**BERAKAS**, Selasa, 11 Februari. - Penguriaan kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam setiap menjelangnya bulan suci Ramadan sangat dinanti-nantikan oleh seluruh penduduk di negara ini yang sememangnya mencerminkan sikap pemedulian dan kasih baginda.

Pada petang tadi, Majlis Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada ketua-ketua jabatan, bahagian dan unit di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi diadakan bertempat di Bangunan Tambahan, KHEU, Jalan Dewan Majlis, di sini.

Pengagihan kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia disempurnakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri

YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir pada Majlis Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada ketua-ketua jabatan, bahagian dan unit di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi (atas kanan dan atas kiri).

selaku tetamu kehormat majlis kepada ketua-ketua jabatan dan bahagian serta unit di bawah KHEU untuk diberikan pengagihannya kepada setiap pegawai dan kakitangan masing-masing di bawah kementerian berkenaan.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Ra'es Kolej

Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamsol bin Haji Omar serta pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan dari KHEU.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha, diikuti dengan Majlis Penyerahan

Kurma Kurnia Peribadi Kebawah DYMM.

Penguriaan Kurma Peribadi Kebawah DYMM merupakan salah satu amal jariah baginda yang dihasratkan dapat dinikmati sebagai juadah untuk berbuka puasa oleh semua golongan rakyat dan penduduk yang beragama Islam di negara ini pada bulan Ramadan yang tidak lama lagi akan menjelang.

# BERSAMA MEMERIAHKAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohammad Hasif Matzin



**SETIAUSAHA** Tetap (Kemasyarakatan) Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan menyampaikan hadiah kepada pemenang Mencipta Logo Sambutan Hari Kebangsaan Ke-41, iaitu Pelukis Tingkat 2, Jabatan Adat Istiadat Negara, Awang Mohammad Nuramar Faiq@Bahrain (atas), manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir pada Sidang Media tersebut.

**JERUDONG**, Isnin, 10 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wadda'ulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan untuk berangkat bercemar duli ke Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (HK NBD) Ke-41, Tahun 2025.

Baginda juga telah mengurniakan titah perkenan untuk berangkat bercemar duli ke Majlis-majlis Utama Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, iaitu Majlis Kesukuran Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesukuran akan diadakan, insyaaAllah pada Sabtu, 24 Syaaban 1446 bersamaan 22 Februari 2025 bermula pukul 5.45 petang di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan (BSB) sebagai tumpuan utama.

"Majlis Kesukuran ini akan diadakan secara serentak di semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara.

"Di Daerah Belait, di Masjid Mohammad Jamalul Alam, manakala tumpuan utama adalah di Masjid Hassanal Bolkiah, di Daerah Tutong; dan di Daerah Temburong, tumpuan utama adalah di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar," ujarnya.

Sementara Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41 selaku acara kemuncak katanya, akan diadakan pada Ahad, 24 Syaaban 1446 bersamaan 23 Februari 2025 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien bermula pada pukul 9.00 pagi.

Dayang Hajah Nor Ashikin seterusnya menjelaskan, latihan-latihan bagi acara perbarisan dan persembahan padang yang melibatkan lebih kurang seramai 20,000 orang daripada kalangan penuntut dan warga perkhidmatan awam sedang giat diadakan.

Tambahnya, latihan penuh (*dry run*), latihan penuh (*camera rehearsal*) dan latihan penuh (*full dress rehearsal*) masing-masing akan diadakan pada Selasa, 18 Februari 2025, Rabu, 19 Februari 2025 dan Khamis, 20 Februari 2025.

Perbarisan lalu akan dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu Kumpulan 'A' yang terdiri dari Kepala Perbarisan, iaitu Pembawa Bendera Besar, Kumpulan Pembaca Ikrar dan Takbir dan Pembawa Bendera Negara dan Logo, Pasukan Beruniform Kerajaan, Pasukan Kadet dan Persatuan Beruniform, Pasukan Beruniform Lain, Sektor Awam, Jabatan Daerah dan Badan Berkunun. Kumpulan 'B' pula adalah terdiri daripada Sektor Pendidikan.

Manakala Kumpulan 'C' adalah terdiri dari Persatuan Belia dan Umum, Syarikat Swasta, Pasukan Cemerlang dan 7 Puak Jati Brunei.

Bagi persembahan, akan melibatkan tiga segmen iaitu Persembahan Pertama bertemakan Permata Bangsa, Persembahan Kedua, Medley Lagu-lagu Patriotik dan Persembahan Ketiga, Bersatu Mencapai Cita Negara.

Di samping itu, beberapa acara sampingan akan diadakan bersempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 2025 antaranya Majlis Khatam Al-Quran 41 Kali Khatam yang akan diadakan secara serentak di keempat-empat daerah pada Khamis, 28 Syaaban 1446 bersamaan 27 Februari 2025.

Tumpuan masjid bagi Daerah Brunei dan Muara ialah Jame' Asr Hassanal Bolkiah; di Daerah Belait ialah Masjid RPN Kampung Pandan; manakala bagi Daerah Tutong ialah Masjid Pengiran Anak Haji Mohammed Alam dan Masjid RPN Kampung Rataie di Daerah Temburong.

Sementara itu, Majlis Pengagihan Bendera Kecil dan Program Semarak Pengibaran Bendera akan diadakan secara serentak di keempat-empat daerah, iaitu pada Khamis, 14 Syaaban 1446 bersamaan 13

Februari 2025.

Upacara Menaikkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam bagi menandakan bermulanya pengibaran bendera negara akan diadakan pada hari Sabtu, 16 Syaaban 1446 bersamaan 15 Februari 2025, pukul 8.00 pagi di Kawasan Lapang Kompleks YAYasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), BSB.

Manakala Upacara Menurunkan Bendera Besar, akan diadakan pada Selasa, 26 Syaaban 1446 bersamaan 25 Februari 2025 di Kawasan Lapang Kompleks YSHHB, BSB pada pukul 2.00 petang.

Pada akhir Sidang Media berkenaan, pihak Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 2025 menyeru agar rakyat dan penduduk sama-sama meraikan dan memeriahkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan ini dengan mengibarkan bendera negara di rumah-rumah kediaman masing-masing dan bangunan-bangunan pejabat dan perniagaan, serta pemasangan dan penyalaan lampu-lampu cuel di bangunan-bangunan kerajaan dan sektor swasta mulai pada Sabtu, 16 Syaaban 1446 bersamaan 15 Februari 2025 sehingga Selasa, 25 Syaaban 1446 bersamaan 25 Februari 2025.

Orang ramai juga dialu-alukan untuk turut hadir beramai-ramai ke Majlis Kesukuran Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesukuran di masjid-masjid serta memeriahkan Acara Kemuncak yang akan diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien bagi menzhirkan rasa kesukuran atas nikmat kemerdekaan dan semangat patriotisme sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat.



**SETIAUSAHA** Tetap (Kemasyarakatan) Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan selaku Setiausaha Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025 ketika berucap pada Sidang Media.

Pihak Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 2025 juga ingin mengingatkan bagi orang ramai yang akan menghadiri Perhimpunan Agung itu nanti untuk sama-sama sentiasa menjaga kesejahteraan semua antaranya dengan mengikut panduan-panduan yang telah digariskan.

Selain itu, dengan mengambil kira keadaan cuaca negara pada ketika ini, turut diingatkan kepada orang ramai untuk membawa keperluan-keperluan seperti air botol, payung, topi dan sebagainya bagi mengelakkan sebarang perkara yang tidak diingini terjadi.

Sidang media turut dihadiri oleh beberapa Ahli Jawatankuasa Kerja Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 2025 yang juga memberikan penerangan, iaitu Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Julaihi bin Mohammad selaku Jawatankuasa Kerja Jamuan; Pemangku Pengarah Muzium-Muzium, Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus selaku Pengurus Bersama Jawatankuasa Kerja Pengangkutan dan Lalulintas; Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan, KKBS, Dayang Zainab binti Haji Morshidi selaku Pengurus Bersama Jawatankuasa Kerja Semarak Kemerdekaan; dan Pengarah Kebudayaan dan Kesenian, KKBS, Haji Awang Mohd. Abdoh bin Haji Awang Damit selaku Penyelaras Tim Kreatif; Pemangku Pengarah Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas, Pasukan Polis Diraja Brunei, Pengguna Kanan Awang Pang Teck Ann selaku Pengurus Bersama Jawatankuasa Kerja Pengangkutan dan Lalulintas; Awang Haji Manaf bin Haji Japar, dari Jabatan Adat Istiadat selaku Jawatankuasa Kerja Jemputan dan Protokol, dan Ketua Perkhidmatan EMAS, Dayang Hajah Nora binti Haji Md. Yusof selaku Jawatankuasa Kerja Keselamatan, Kecemasan dan Perubatan.

Sidang Media turut diselanjurkan dengan penyampaian hadiah kepada pemenang Mencipta Logo Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41 Tahun iaitu Pelukis Tingkat 2, Jabatan Adat Istiadat Negara, Awang Mohammad Nuramar Faiq@Bahrain dan seterusnya penyerahan poster Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 2025 kepada ahli panel, Pegawai Perhubungan Awam Kementerian-kementerian, termasuk jabatan-jabatan di bawah KKBS serta rakan media.

# UBD - KEHASAN METERAI MOU PENYELIDIKAN AKADEMIK BERASASKAN MAKMAL

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



**TUNGKU LINK**, Isnin, 10 Februari. – Sebuah Memorandum Persefahaman (MoU) dimeterai hari ini di antara Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Kehasan Sdn. Bhd. bertujuan untuk mengukuhkan kerjasama penyelidikan antara industri dan institusi akademik dengan menyediakan platform untuk menunjukkan penemuan daripada penyelidikan akademik berdasarkan makmal dalam persekitaran industri masa nyata.

Melalui MoU berkenaan, ia akan meningkatkan tahap

kesiapsiagaan teknologi (Technological Readiness Level-TRL) bagi pembangunan teknologi berdasarkan makmal dan menggalakkan pengkomersialan penyelidikan akademik.

Majlis Penandatanganan MoU berkenaan diadakan di Kampus UBD dan dikendalikan oleh Pejabat Penolong Naib Canselor (Industry Engagement and Enterprise Development).

MoU berkenaan ditandatangani oleh Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle bagi pihak UBD, manakala Pengarah Kehasan Sdn.

Bhd., Pengiran Dato Paduka Osman bin Pengiran Haji Patra menandatangani bagi syarikat dan disaksikan oleh Pengarah Pusat Sains Bahan dan Tenaga Maju (CAMES), UBD, Profesor Madya Dr. Malai Haniti binti Sheikh Abdul Hamid, dan Pengarah Urusan Kehasan Sdn. Bhd., Jeffrey Shim.

Dengan termeterainya MoU berkenaan, ia akan memanfaatkan kekuatan kedua-dua pihak, menggabungkan kepakaran akademik dari UBD dengan pengetahuan praktikal dan rangkaian industri dari Kehasan

Sdn. Bhd.

Ini berpotensi membawa kepada peningkatan dalam pelbagai penyelesaian dan perkhidmatan yang mampan yang boleh diberikan oleh Kehasan Sdn. Bhd. kepada pangkalan pelanggannya.

UBD telah mengenal pasti bidang-bidang potensi untuk kerjasama antara Kehasan Sdn. Bhd. dan CAMES termasuk mengubah sisa tapak pelupusan untuk rawatan air dan pemulihan hijau bagi sisa elektronik.

Usaha-usaha berkenaan boleh menyumbang ke arah

MOU ditandatangani oleh Naib Canselor UBD bagi pihak UBD, manakala Pengarah Kehasan Sdn. Bhd., Pengiran Dato Paduka Osman bin Pengiran Haji Patra menandatangani bagi Kehasan Sdn. Bhd. (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, Pengiran Dato Paduka Osman semasa berucap.

pembentukan ekonomi kitaran bagi Negara Brunei Darussalam melalui pembangunan teknologi yang relevan dan pembinaan kapasiti manusia.

UBD juga secara aktif terus mencari kerjasama dan perkongsian industri. Untuk pertanyaan lanjut atau peluang perkongsian, hubungi Pejabat Penolong Naib Canselor (Industry Engagement and Enterprise Development) di [industry.ieed@ubd.edu.bn](mailto:industry.ieed@ubd.edu.bn).

## MINDA PEMBACA

### Perpaduan kunci pembangunan

**P**ERPADUAN adalah elemen utama yang menjadi asas kepada kemajuan dan kestabilan sebuah negara. Dalam masyarakat yang berbilang kaum, agama dan budaya seperti di Negara Brunei Darussalam atau negara lain yang serupa, perpaduan memainkan peranan penting dalam memastikan keharmonian dan pembangunan yang mampan. Tanpa perpaduan, sebuah negara mudah terjerumus ke dalam kancang perpecahan yang boleh merencangkan pertumbuhan ekonomi dan sosial.

Salah satu aspek penting dalam perpaduan adalah sikap saling menghormati antara individu dan kumpulan dalam masyarakat. Setiap

kaum dan agama perlu menghormati kepercayaan, adat resam dan amalan budaya kaum lain. Tindakan ini dapat menghapuskan prasangka dan mewujudkan hubungan yang harmoni antara komuniti. Dalam konteks pembangunan, masyarakat yang bersatu akan lebih mudah mencapai matlamat bersama seperti membangunkan ekonomi, meningkatkan taraf pendidikan dan memperbaiki infrastruktur.

Selain itu, perpaduan juga dapat memupuk semangat kerjasama dan toleransi. Apabila rakyat bersatu hati, mereka dapat mengatasi cabaran bersama dengan lebih mudah. Sebagai contoh, dalam menghadapi krisis ekonomi atau pandemik,

kerjasama antara pelbagai lapisan masyarakat sangat penting untuk memastikan kelangsungan hidup dan kestabilan negara. Perpaduan juga menjadi asas kepada pembinaan dasar-dasar pembangunan yang inklusif dan tidak meminggirkan mana-mana golongan.

Kerajaan turut memainkan peranan penting dalam mengekalkan perpaduan dengan melaksanakan dasar-dasar yang menggalakkan integrasi nasional. Contohnya, program rukun tetangga dan sambutan perayaan bersama dapat meningkatkan interaksi antara kaum. Pendidikan juga menjadi medium penting dalam menerapkan nilai perpaduan, di mana pelajar dididik

untuk menghormati kepelbagaiannya sejak usia muda.

Secara kesimpulannya, perpaduan adalah kunci kepada pembangunan yang mapan dan seimbang. Hanya dengan perpaduan yang kukuh, sebuah negara dapat mencapai kemajuan dalam pelbagai aspek, termasuk ekonomi, sosial, dan politik. Oleh itu, setiap individu perlu memainkan peranan masing-masing dalam memupuk perpaduan agar dapat menjamin masa depan negara yang cerah.

Nama : Muhammad Nor Iman bin Haji Norman  
No. K/P: 01-132XXX

### Serahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

#### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Muhasabah Diri Amalan Terpuji'. Tarikh Tutup : 12 Februari 2025
- 2.'Semai Semangat Patriotisme'. Tarikh Tutup : 19 Februari 2025
- 3.'Pendidikan Ugama Berperanan Menyemai Akhlak Mulia'. Tarikh Tutup : 26 Februari 2025

#### Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.  
atau melalui  
E-mel : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Menangi  
**BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# BENGKEL FOKUSKAN TATACARA REHABILITASI RAKAN SELIAAN



**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada perasmian Bengkel Keberkesanan Rehabilitasi dan Reintegrasi Mengendalikan Rakan Seliaan.**

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**KIULAP**, Isnin, 10 Februari. - Dalam usaha meningkatkan kemahiran dan teknik-teknik bagi menangani pelbagai masalah Rakan Seliaan bagi persatuan-persatuan dan agensi-agensi kerajaan dan swasta, Persatuan Aftercare Support Association (AFSA) mengungkayahkan Bengkel Keberkesanan Rehabilitasi dan Reintegrasi Mengendalikan Rakan Seliaan.

Bengkel yang diadakan di J

Hotel, Bangunan Kompleks Taibah itu menyasarkan rakan-rakan strategik AFSA terdiri daripada persatuan-persatuan, agensi-agensi kerajaan dan swasta yang terlibat secara langsung dengan membantu dan menolong Rakan Seliaan.

Hadir selaku tetamu kehormat merasmikan bengkel berkenaan ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) Kementerian Hal

Ehwal Dalam Negeri, Dayang Nor Hamidah binti Haji Hamidon.

Seramai dua fasilitator undangan dari Persatuan Pengasih Malaysia dijemput bagi mengendalikan bengkel berkenaan yang memfokuskan kepada tatacara rehabilitasi yang terkini bagi membantu Rakan Seliaan serta memberikan kaedah-kaedah reintegrasi semula ke arah yang lebih baik kepada Rakan Seliaan tersebut.

Para pembengkel juga akan menghuraikan teknik-teknik dan kemahiran-kemahiran yang berkesan seperti yang diamalkan

dan diguna pakai di rantau ini.

Bengkel juga mendedahkan pengalaman di Kompleks Persatuan Pengasih Malaysia melalui pelbagai rawatan dan program yang dilaksanakan bagi membantu Rakan Seliaan di sana.

Di samping itu, peserta juga berpeluang untuk membuat pembentangan hasil dari lapan kerja kelompok dan perbincangan bagi melihat kes-kes yang terdapat di negara ini.

Bengkel dua hari itu akan mengetengahkan beberapa modul seperti Challenges to

Re-entry, Case management, Reintegration Program, Essential Life Skill, Building Social Support Network dan Building Positive Mindset.

Terdahulu atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Doa Selamat, seterusnya ucapan alu-aluan dari Yang Dipertua AFSA, Dayang Hajah Juhana binti Haji Md Jaya dan diikuti dengan Majlis Perasmian Bengkel.

Turut hadir ialah Pengarah Penjara, Penasihat-penasihat AFSA, Ahli-ahli AFSA dan para peserta bengkel.

## Memperkuat pemahaman berkaitan Persidangan MMN



**SEKITAR** Program PR Engagement MMN-21 yang telah menghimpunkan Pegawai-pegawai Perhubungan Awam (PRO), wakil-wakil Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan serta wakil media swasta dalam satu sesi interaktif (atas, kanan dan bawah kanan).

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud  
Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 11 Februari. - Bagi memperkuatkan pemahaman mengenai Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Ke-21 yang bakal berlangsung tidak lama lagi, Urus Setia MMN telah menganjurkan Program PR Engagement MMN-21 yang telah menghimpunkan Pegawai-pegawai Perhubungan Awam (PRO), wakil-wakil Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan serta wakil media swasta dalam satu sesi interaktif.

Program yang telah diadakan pada 10 Februari itu juga memberikan pengiktirafan kepada peranan yang dimainkan oleh pihak


kementerian-kementerian dan media sebagai rakan utama bagi menyampaikan berita-berita serta maklumat kepada rakyat berkenaan MMN.

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Timbalan Jurutulis MMN, Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra yang menekankan bahawa hubungan erat antara MMN,

Kementerian-kementerian dan media bukan sahaja penting dalam memastikan liputan persidangan disampaikan kepada masyarakat, malah turut membantu dalam menyampaikan maklumat terkini mengenai MMN.

Program tersebut bukan sahaja menjadi medan interaksi antara pihak media dan pihak Urus Setia MMN tetapi juga membuka peluang kepada kerjasama lebih erat dalam memastikan penyampaian maklumat mengenai MMN kepada masyarakat.





## Keluaran Ketiga

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

11.Berdoa atau berzikir mengikut kesesuaian ayat al-Qur'an yang dibaca.

Orang yang membaca surah atau ayat al-Qur'an, sama ada dia membacanya dalam sembahyang atau tidak, disunatkan perkara-perkara berikut:

(i) Apabila dia membaca ayat yang berkaitan dengan rahmat seperti firman Allah Ta'alaa:

وَيَعْفُرُ لَكُمْ وَأَلَّهُ عَفْوُرٌ رَحِيمٌ

(Surah al-Anفال: ٢٠)

Tafsirnya: Dan Dia akan mengampuni kamu. Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih.

(Surah al-Anfal: 70)

Disunatkan baginya untuk berdoa dengan memohon kepada Allah Subhanahu wa Ta'alaa agar dikurniakan rahmat baginya, umpamanya dia berdoa:

رَبِّ اغْفِرْ وَارْحَمْ وَأَنْتَ خَيْرُ الرَّاحِمِينَ.

Ertinya: Ya Tuhan! Ampunilah dan kurniakanlah rahmat (kepadaku dan orang-orang yang beriman) dan Engkau jualah sebaik-baik pemberi rahmat.

(ii) Apabila dia membaca ayat yang

# Perkara Yang Sunat Dilakukan Ketika Membaca Surah Dalam Sembahyang

سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

Ertinya: Maha Suci Allah Yang Maha Agung.

(v) Apabila membaca ayat shalawat ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam seperti firman Allah Ta'alaa:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَسْأَلُهُ أَذْنَيْنَا صَلَوةً

(Surah az-Zumar: ٧١)

Tafsirnya: Telah ditetapkan hukuman azab terhadap orang-orang kafir.

(Surah az-Zumar: 71)

Disunatkan baginya untuk berdoa dengan memohon kepada Allah Subhanahu wa Ta'alaa agar melindunginya daripada azab, umpamanya dia berdoa:

رَبِّيْ أَعْلَمُ بِمِنْ عَذَابِكَ.

Ertinya: Ya Tuhan! Engkau lindungilah aku daripada azabMu.

(iii) Apabila membaca ayat yang berkaitan dengan syurga seperti firman Allah Ta'alaa:

وَسَيِّقَ الَّذِينَ آتَيْنَا رِزْقًا إِلَى الْجَنَّةِ رُزْقًا حَتَّىٰ إِذَا جَاءُوهُا

وَفَيَخْتَلِفُ الْأَئْمَانُهُمْ قَالَ لَهُمْ خَرَقْتُمْ مَا لَمْ يُكِنْنُكُمْ طَبَّشْتُ فَلَمْ يَلْعُلُوهُمْ

حَتَّىٰ يُنَاهَيُهُمْ (٧٣)

(Surah az-Zumar: ٧٣)

Tafsirnya: Dan orang-orang yang berbaik-baik kepada Tuhan mereka (pula) akan dibawa ke syurga secara berombongan, sehingga apabila mereka sampai ke syurga yang pintu-pintunya telah terbuka dan berkatalah penjaga-penjaganya kepada mereka:

"Salam ke atas kamu. Berbahagialah kamu maka masuklah ke dalam syurga ini, kamu kekal di dalamnya".

(Surah az-Zumar: 73)

Disunatkan baginya untuk berdoa dengan memohon kepada Allah Subhanahu wa Ta'alaa agar dimasukkan ke syurga, umpamanya dia berdoa:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ رِضَاكَ وَاجْلَهُ.

Ertinya: Ya Allah! Sesungguhnya aku memohon kepadaMu redhaMu dan syurga.

(iv) Apabila membaca ayat yang berkaitan dengan tasbih seperti firman Allah Ta'alaa:

فَسَبِّحْ يَا نَسِيْمَ رَبِّكَ الْعَظِيْمَ

(Surah al-Waqi'ah: ٩٦)

Tafsirnya: Maka bertasbihlah dengan memuji nama Tuhanmu yang Maha Besar (kekuasaanNya).

(Surah al-Waqi'ah: 96)

Disunatkan baginya untuk bertasbih, umpamanya dia menyebut:

Ertinya: Maka siapakah pula (selain Allah) yang dapat mendatangkan kepada kamu air yang sentiasa mengalir?

(Surah al-Mulk: 30)

Disunatkan baginya untuk membaca:

اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ.

Ertinya: Allah, Pencipta dan Pentadbir sekalian alam.

(x) Apabila membaca ayat berikut:

فَبِأَيِّ أَلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَدِّبَانِ

(Surah ar-Rahman: ١٣)

Disunatkan baginya untuk membaca:

وَلَا تُكَدِّبِ بِالْأَنْتَكَ يَا رَبُّ.

Ertinya: Dan kami tidak mendustakan ni'matMu wahai Tuhan.

Menurut Imam asy-Syibramallisi Rahimahullah dalam Hasyiyah Nihayah al-Muhtaj, bagi orang yang sembahyang secara berjemaah dalam sembahyang jahriyyah, apabila imam membaca ayat rahmat atau ayat azab dan seumpamanya lalu imam tersebut berdoa memohon rahmat atau berlindung daripada azab sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini, maka imam membacanya secara nyaring dan maknum juga ikut membacanya secara nyaring kerana mengikut bacaan imam. Begitu juga halnya bagi munfarid dalam sembahyang jahriyyah, maka dia membacanya secara nyaring.

Jika imam membaca ayat rahmat lalu dia berdoa memohon rahmat, adakah maknum dituntut untuk mengaminkan doa imam tersebut? Menurut Imam asy-Syibramallisi Rahimahullah dalam Hasyiyah Nihayah al-Muhtaj, maknum tidak dituntut untuk mengaminkan doa imam tersebut sekalipun doa imam itu dibaca dengan lafadz jamak.

Demikian penjelasan mengenai perkara yang sunat dilakukan ketika membaca surah dalam sembahyang.

## Platform mengeratkan hubungan kukuh antara universiti, graduan



PENOLONG Naib Canselor (University Life and Governance), Dayang Hajah Maudena binti Haji Abdul Hamid hadir selaku tetamu kehormat pada pelancaran laman sesawang OARA.

TUNGKU LINK, Isnin, 10 Februari.

- Pejabat Perhubungan dan Kemajuan Alumni (Office of Alumni Relations and Advancement-OARA), Universiti Brunei Darussalam (UBD), hari ini

melancarkan laman sesawang baharunya menandakan satu pencapaian penting dalam menyambung semula hubungan dengan Alumni UBD baik di Negara Brunei Darussalam (NBD)

malahupun di seluruh dunia. Acara tersebut berlangsung di Ruang Bicara Minda, Perpustakaan UBD. Acara berkenaan juga merupakan satu detik penting dalam usaha penglibatan Alumni

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

UBD kerana laman sesawang tersebut berfungsi sebagai platform khusus untuk mengeratkan hubungan yang lebih kukuh antara universiti dan graduannya.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Penolong Naib Canselor (University Life and Governance), Dayang Hajah Maudena binti Haji Abdul Hamid.

Acara berkenaan menekankan kepentingan mengekalkan hubungan sepanjang hayat dan mewujudkan peluang untuk kerjasama yang lebih bermakna.

Laman sesawang OARA memperkenalkan beberapa ciri utama yang direka untuk meningkatkan pengalaman alumni. Antara sorotan utamanya adalah Kad Digital Alumni UBD yang memberi akses eksklusif kepada faedah dan diskau yang ditawarkan oleh vendor rakan kongsi.

Selain itu, laman sesawang berkenaan menampilkan halaman 'Events' untuk mengemas kini alumni tentang penglibatan yang akan datang, halaman 'Alumni

'Giveback' untuk memudahkan sumbangan ke arah pembangunan UBD dan portal pendaftaran untuk mentor, menggalakkan alumni yang berpengalaman untuk membimbing dan menyokong pelajar semasa.

Kehadiran alumni perintis UBD pada pelancaran berkenaan menekankan kesinambungan legasi UBD, menunjukkan impak berterusan universiti terhadap graduannya. Laman sesawang berkenaan bukan hanya sekadar alat untuk komunikasi tetapi juga jambatan yang menghubungkan generasi alumni, meraikan pencapaian mereka dan memupuk budaya memberi kembali.

UBD menjemput semua alumni untuk meneroka platform baharu berkenaan dan memanfaatkan pelbagai ciri yang ada pada platform tersebut.

Untuk maklumat lanjut, lawati laman sesawang OARA di [alumni.ubd.edu.bn](http://alumni.ubd.edu.bn) dan ikuti OARA di Instagram di [@ubdalumni](https://www.instagram.com/@ubdalumni) untuk maklumat terkini mengenai inisiatif akan datang.

# 38 PESERTA BENGKEL REHABILITASI, REINTEGRASI TERIMA SIJIL



PENGARAH Biro Kawalan Narkotik, Dato Paduka Mohd. Zalani bin Haji Ismail bergambar ramai pada Bengkel Keberkesan Rehabilitasi dan Reintegrasi Mengendalikan Rakan Seliaan.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 11 Februari. - Seramai 38 peserta rakan-rakan strategik Persatuan Aftercare Support Association (AFSA) terdiri daripada persatuan-persatuan, agensi-agensi kerajaan dan swasta yang terlibat secara langsung dalam membantu dan menolong Rakan Seliaan berjaya menamatkan Bengkel Keberkesan Rehabilitasi

dan Reintegrasi Mengendalikan Rakan Seliaan.

Bengkel yang diadakan di J Hotel, Bangunan Kompleks Taibah berkenaan mampu meningkatkan kemahiran dan teknik-teknik bagi menangani pelbagai masalah Rakan Seliaan bagi persatuan-persatuan dan agensi-agensi kerajaan dan swasta.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta bengkel, Pengarah Biro Kawalan Narkotik, Dato Paduka Mohd. Zalani bin Haji Ismail.

Sepanjang bengkel diadakan, dua fasilitator undangan dari Persatuan Pengasih Malaysia telah dijemput bagi mengendalikan bengkel berkenaan yang memfokuskan kepada tatacara rehabilitasi yang terkini bagi membantu Rakan Seliaan serta

memberikan kaedah-kaedah reintegrasi semula ke arah yang lebih baik kepada Rakan Seliaan berkenaan.

Para pembengkel juga telah menghuraikan teknik-teknik dan kemahiran-kemahiran yang berkesan seperti yang diamalkan dan diguna pakai di rantau ini.

Bengkel juga mendedahkan pengalaman di Kompleks Persatuan Pengasih Malaysia melalui pelbagai rawatan dan program yang dilaksanakan bagi

membantu Rakan Seliaan di sana.

Di samping itu, para peserta juga berpeluang untuk membuat pembentangan hasil daripada lapan kerja kelompok dan perbincangan bagi melihat kes-kes yang terdapat di negara ini.

Bengkel dua hari berkenaan mengetengahkan beberapa modul seperti Challenges to Re-Entry; Case Management; Reintegration Program; Essential Life Skill; Building Social Support Network; dan Building Positive Mindset.

منجو كريضاعن الله  
MENUJU KEREDAAN ALLAH  
كولان قوسة دعوه اسلاميه

**S**EBAGAI hamba Allah, kita sangat ditutut untuk memperbaikkan berzikir kepada-Nya. Berzikir adalah salah satu jalan untuk kita mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan ia juga merupakan tanda kita bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas segala nikmat kurniaan-Nya. Ini sesuai dengan hadis riwayat Imam ath-Thabarani dalam Kitab Mu'jamnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya : "Sesungguhnya Allah berfirman : "Wahai keturunan Adam, sesungguhnya apabila kamu berzikir kepada-Ku, maka kamu sungguh telah bersyukur kepada-Ku, dan apabila kamu lupa (tidak berzikir), maka kamu telah kufur kepada-Ku".

Berzikir adalah amalan yang sangat mulia dan sangat disukai Allah Subhanahu Wata'ala. Berzikir juga merupakan amalan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Sebagaimana kita tahu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah seorang insan yang memiliki darjat yang tinggi di sisi Allah Subhanahu Wata'ala namun Baginda tidak pernah lupa untuk berzikir kepada Allah Ta'ala.

Adapun zikir berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud ingat atau sebut. Dari segi istilah, berzikir bermaksud mengingati Allah atau menyebut nama-nama Allah. Ada beberapa cara berzikir mengingat Allah yang disebutkan dalam Al-Quran. Pertama berzikir mengingat Allah dengan lidah atau lisan, iaitu dengan cara bertasbih (Subhanallah), bertahmid (Alhamdulillah), bertakbir (Allahuakbar), bertahlil, berselawat dan membaca Al-Quran; kedua berzikir mengingat Allah dengan anggota tubuh seperti melaksanakan perintah dan

meninggalkan larangan-Nya dan yang ketiga berzikir mengingat Allah di dalam hati dan fikiran.

Sesungguhnya kita sangat ditutut supaya sentiasa berzikir mengingati Allah pada setiap masa pagi dan petang dalam semua keadaan sama ada dalam keadaan berjalan, berdiri, duduk, berbaring mahupun, ketika dalam keadaan susah atau senang, sakit atau sihat, kaya atau miskin dan sebagainya. Ini ditegaskan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisa', ayat 103 yang terjemahan ayatnya : "Kemudian apabila kamu telah selesai mendirikan sembahyang maka ingatlah Allah ketika kamu berdiri dan duduk serta ketika kamu berbaring".

Dalam ayat lain pula, Allah Ta'ala berfirman dalam Surah Al-Insaan, ayat 25 dan 26 yang terjemahan ayatnya : "Dan sebutlah nama Tuhanmu pada waktu pagi dan petang. Dan pada sebahagian malam maka sujudlah kepada Tuhanmu dan bertasbihlah kepada-Nya (sembahyang Tahajud) pada waktu yang panjang di malam hari".

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab, ayat 41 - 42 yang terjemahan ayatnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Berzikirlah mengingat Allah dengan zikir yang sebanyak-banyaknya. Dan bertasbihlah kepada-Nya pada waktu pagi dan petang".

Ketahuilah bahawa amalan berzikir itu sangat banyak fadilatnya dan ingatlah Allah Subhanahu Wata'ala sudah menjanjikan ganjaran pahala yang banyak kepada orang yang sentiasa berzikir. Antaranya ialah :

1. Selalu diingati Allah

Orang yang sentiasa mengingati Allah dan menyebut nama-Nya adalah orang yang lebih dekat kepada Allah. Semakin banyak kita mengingati Allah, semakin dekat Allah kepada kita sebagaimana firman

Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 152 yang terjemahan ayatnya : "Maka ingatlah kamu kepada-Ku (dengan melakukan sembahyang, berzikir, dan lain-lain perbuatan taat) nescaya Aku akan mengingat kamu".

2. Diampunkan dosa

Orang yang sentiasa berzikir menyebut dan mengingati Allah akan mendapat keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana terjemahan ayatnya dalam Surah Al-Ahzab, ayat 35 : "Dan lelaki-lelaki serta perempuan-perempuan yang banyak berzikir mengingat Allah, Allah telah menyediakan untuk mereka keampunan dan pahala yang besar".

Hal ini juga disebut dalam sebuah hadis riwayat Imam Muslim dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya : "Barang siapa yang mengucapkan Subhanallah wa Bihamdih (Allah Maha Suci dan Maha Terpuji) sebanyak seratus kali setiap hari, maka dosa-dosanya akan diampuni walaupun sebanyak buih di laut".

3. Dapat menenangkan hati

Berzikir juga dapat menenangkan hati dan jiwa sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ar-Ra'd, ayat 28 yang terjemahan ayatnya : "(laitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka tenteram dengan zikrullah (mengingati Allah Subhanahu Wata'ala). Ketahuilah dengan zikrullah itu, hati menjadi tenteram".

4. Zikir sebagai ubat untuk menghilangkan sifat lupa

Dengan berzikir juga boleh membebaskan diri kita dari bersikap lalai dan lupa kepada Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana terjemahan makna ayat 24, Surah Al-Kahfi

(hendaklah disertakan dengan berkata) : "InsyaaAllah. Dan ingatlah Tuhanmu jika engku lupa (mengucapkan insyaaAllah)".

5. Diberi kejayaan dan keberuntungan Firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Anfal, ayat 45 yang terjemahan ayatnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu berperang dengan pasukan (musuh) maka hendaklah kamu tetap teguh menghadapinya, dan ingatlah Allah sebanyak-banyaknya supaya kamu beroleh kemenangan".

6. Berzikir memantapkan iman

Firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Anfal, ayat 2 yang terjemahan ayatnya : "Sesungguhnya orang-orang yang (benar-benar) beriman itu ialah mereka yang apabila disebut nama Allah gementarlah hati mereka dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, bertambah (kuat) iman mereka dan hanya kepada Tuhan mereka sahajalah mereka bertawakal".

Setelah mengetahui fadilat amalan zikir maka sebagai orang Islam adalah sewajarnya untuk kita beramal dengannya dan jangan kitajadikan kesibukan kerja dan kesibukan mencari dunia sebagai alasan untuk kita tidak berzikir mengingat kepada Allah. Alangkah ruginya orang yang melepaskan peluang untuk mendapatkan kelebihan berzikir yang Allah Subhanahu Wata'ala berikan kepada hamba-hamba-Nya. Sebenarnya amalan berzikir itu bukanlah perkara yang susah, ia hanya memerlukan kesungguhan dan kemauan untuk melazimkannya serta kesedaran betapa kita ini hamba Allah yang sangat lemah yang memerlukan kasih dan rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala dan mengharapkan keredaan-Nya. Maka sudah sewajarnyalah kita mengamalkan zikir dalam kehidupan.

# دعاء ممohen كفـد الله سقـاي قـرسـلامـة

## درـقد بلـاء دـان سـكـل جـنـيس قـيـاـكـيت

### DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْأَكَامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا حَلَقَ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي  
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ  
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ دَاءً. بِسْمِ اللَّهِ أَعْتَدْخَنَا وَبِاللَّهِ  
أَحْتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي الْعِزَّةِ وَأَجْبَرُونَا.  
وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَمِيِّ الَّذِي لَا  
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُنَاحِ، وَمِنْ سَيِّئِ  
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي  
كُلِّ مَكَانٍ أَبْلَاهَةَ وَأَلْوَاهَةَ وَالطُّغْيَانَ وَالطَّاغُوتَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ  
وَقَنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ  
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

#### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan ania). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan juga di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkusa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذْنَا مُحَمَّدٌ  
سِنَةً وَلَا نَوْمًا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا  
فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عَنْهُ  
إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ  
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ  
وَسَعْ كُرْسِيهِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَا يَئُودُهُ  
حَفْظُهُمَا وَهُوَ أَعْلَى الْعَظِيمِ ﴿٦٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاتَةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ  
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَخُسْنُ الْحَوَائِجُ، وَيُسْتَسْقَى  
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمُ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ  
وَنَفْسٍ بَعْدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdikan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engku limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahnnya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ  
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ  
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنَعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِدَنِي،  
فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engku. Engku telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahanat yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engku".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذَكْرُ بِچاءِنْ يَعْمَلُوا كَبِراً وَنَتوَعْنُ سَاعَتْ بَسْرَ كَفْدُ قَعْمَلَنْ ( تَولُقْ بَلَاءَ )

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(3)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(2)

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(1)

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(5)

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

(4)


**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar  
Dengan Kementerian  
Pembangunan Di Dalam

**Kelas :**  
IV (III & IV) Sahaja

**Kategori :**  
KA01 - Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran :**  
Selasa,  
4 Mac 2025.

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
25 Mac 2025.  
Tidak lewat  
jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DDS 006 / 2025 –  
(SEW).T.IV

**Nama Projek:**  
Mengganti Paip Simen  
Asbestos Ke Paip  
Lempung Berkekaka  
Di Simpang 24,  
Jalan Lapangan Terbang Lama  
Berakas

**Yuran Tawaran :**  
BND500.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen :**



Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar  
Dengan Kementerian  
Pembangunan Di Dalam

**Kelas:**  
(II & III Sahaja)

**Kategori:**  
[KA01 Sahaja]

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada:**  
25 Februari 2025.  
(Selasa)

**Tarikh Tutup :**  
4 Mac 2025. (Selasa)

**Tidak Lewat Dari Jam :**  
12.00 Tengah Hari.

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DWS / 005 / 2025

**Nama Projek:**  
Kerja-Kerja Penggantian Penapis  
(Nozzles dan Media Penapis)  
Untuk Tangki Penapis  
Di Loji Rawatan Air  
Bukit Barun Peringkat 7,  
Tutong

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**



Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar  
Dengan Kementerian  
Pembangunan Di Dalam

**Kelas:**  
IV Sahaja

**Kategori:**  
KA01 Sahaja

**Tarikh Akhir Mengambil:**  
18 Februari, 2025.  
(Selasa)

**Tarikh Tutup:**  
4 Mac 2025.  
(Selasa)  
Tidak Lewat Dari  
12.00 Tengah Hari.

**1. Bilangan Tawaran:**  
JKR / DBSTUT 003 / 2025

**Nama Projek:**  
Menaik Paras  
Jalan Keranching – Benutan,  
Daerah Tutong

**No. Projek:**  
2025 / 26 JKRTUT / TRM /  
CLIENT - 01

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00  
(Tidak Dikembalikan)

**2. Bilangan Tawaran:**  
JKR / DBSTUT 004 / 2025

**Nama Projek:**  
Menaik Paras Jalan Panchong –  
Kuala Ungar, Daerah Tutong

**No. Projek:**  
2025 / 26 JKRTUT / TRM /  
CLIENT - 02

**Yuran Tawaran:**  
BND100.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**


**KEMENTERIAN KESIHATAN**

**Tawaran**

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 22 / 2025 / MOH

**Keterangan:**  
The Supply And Delivery Of  
Patient Linen For All Ministry Of  
Health Hospitals

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 23 / 2025 /  
ESTETMOH

**Keterangan:**  
New Generator Unit At  
Existing Old Block Jubli Perak  
Sengkurong Health Centre

**Eligibility for Tenderers:**  
Registered with Ministry of  
Health and Ministry of  
Development

**Class:**  
II or above

**Category:**  
M03 and E01

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 24 / 2025 / PHARM

**Keterangan:**  
The Supply And Delivery Of  
Medicines For The Department  
Of Pharmaceutical Services  
Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**  
BND 30.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 25 / 2025 / PHARM

**Keterangan:**  
The Supply And Delivery Of  
Medicines For The Department  
Of Pharmaceutical Services  
Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00

**Tarikh Tutup:**  
25 Februari 2025.  
Tidak lewat  
jam 2.00 Petang.


**KEMENTERIAN HAL  
EHWAL UGAMA**

Bahagian Kemajuan Syiar Islam  
Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Negara Brunei Darussalam

**Tawaran Sebut Harga**

**Bil. Sebut Harga:**  
KHEU / BKSI / 2 / 02 / 2025

Backdrop Untuk Majlis  
Sambutan Nuzul Al Quran  
Bagi Tahun 1446H / 2025M  
Bertempat Di Dewan  
Plenary ICC Berakas,  
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh**

**Tutup Tawaran:**  
19 Februari 2025.  
Jam 2.00 Petang.


**KEMENTERIAN HAL EHWAL  
LUAR NEGERI**

Jabatan  
Pertubuhan-Pertubuhan  
Antarabangsa  
Kementerian Hal Ehwal  
Luar Negeri

Jawatan Kosong Di  
Sekretariat Komanwel,  
London,  
United Kingdom

**Jawatan :**  
Sport for Development  
and Peace Officer

**Kekosongan :**  
1

**Tarikh Tutup :**  
14 Februari 2025.  
Untuk makluman,  
maklumat lanjut  
mengenai jawatan  
tersebut termasuk  
permohonan boleh didapati  
melalui laman sesawang :  
<http://thecommonwealth.org.jobs>



**Jemputan Untuk  
Memberi Tawaran**  
Jabatan Perkhidmatan Elektrik  
Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Tawaran:**  
JPE / LTK / PDP / 103 / 2024

**Tajuk Tawaran:**  
Installation of Transmission  
Line Surge Arrestors on  
Selected Overhead  
Transmission Line Circuit  
(Pilot Project)

**Tarikh Tutup:**  
25 Februari 2025.

Selasa,  
Jam 2.00 Petang.

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup :**  
Tender Box  
Pengerusi  
Lembaga Tawaran Kecil,  
Jabatan Perdana Menteri  
Bangunan Jabatan  
Perdana Menteri,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Bandar Seri Begawan,  
BB3913  
Negara Brunei Darussalam.

**Kelayakan:**  
Syarikat yang berdaftar dengan  
Kementerian Pembangunan  
dalam Kelas 3, 4 atau 5 sahaja,  
dan mempunyai kategori  
E01 dan E03.  
Dokumen-dokumen tawaran dan  
penerangan-penerangan yang  
lanjut bolehlah diperoleh dari  
Bahagian Kaunter Unit Tawaran





## JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Tawaran Tapak Bagi Menjalankan Perusahaan Bunga Keratan Menggunakan Teknologi Tinggi / Moden, Seluas 1 Hektar Daerah Brunei dan Muara Bilangan : 03 / 2025**

TAWARAN bagi mempelawa pengusaha-pengusaha untuk menghadapkan permohonan bagi menyewa tapak di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) seperti berikut :-

**Lokasi :**  
Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Betumpu Daerah Brunei dan Muara.

**Keterangan Tapak:**  
Lot 7-2

**Syarat:**  
Bagi menjalankan kegiatan perusahaan bunga keratan (*cut flowers*) menggunakan teknologi tinggi / moden (*greenhouse*, fertigasi, pengairan titis)

**Tempoh Iklan:**  
2 minggu

**Tarikh Mula Iklan:**  
Sabtu,  
8 Februari 2025.

**Tarikh Berakhir Iklan:**  
Sabtu, 22 Februari 2025.

**Tarikh Akhir Menghantar:**  
Isnin,  
24 Mac 2025.  
Sebelum jam  
11.00 Pagi.

**Harga**  
**Penjualan Borang:**  
BND1.00 / borang



**Tawaran Tapak Bagi Menjalankan Perusahaan Bunga Keratan Menggunakan Teknologi Tinggi / Moden, Seluas 1 Hektar Daerah Brunei dan Muara Bilangan : 02 / 2025**

TAWARAN bagi mempelawa pengusaha-pengusaha untuk menghadapkan permohonan bagi menyewa tapak di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) seperti berikut :-

**Lokasi:**  
Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Limpaki Daerah Brunei dan Muara.

**Keterangan Tapak:**  
Lot A3

**Syarat:**  
Bagi menjalankan kegiatan perusahaan bunga keratan (*cut flowers*) menggunakan teknologi tinggi/moden (*greenhouse*, fertigasi, pengairan titis)

**Tempoh Iklan:**  
2 minggu

**Tarikh Mula Iklan:**  
Sabtu,  
8 Februari 2025.

**Tarikh Berakhir Iklan:**  
Sabtu,  
22 Februari 2025.

**Tarikh Akhir Menghantar :**  
Isnin,  
24 Mac 2025.  
Sebelum jam 11.00 Pagi.

**Harga**  
**Penjualan Borang:**  
BND1.00 / borang



## JABATAN PERDANA MENTERI

**Bilangan dan Tajuk**  
**Sebut Harga:**

JPP / 1 / 3 / 16 / 8 / 24-25

Quotation for Supply,  
Delivery and Installation

of Zebra Blinds with Centre Panel to Cover Light and Supply and

Installation of WPC Decorative Wall Panels and Marble Sheets with Glue Management Services

Department, Prime Minister's Office, Bangunan Bahirah,

Jalan Menteri Besar,  
Bandar Seri Begawan

**Yuran Sebut Harga**  
(Termasuk e-dokumen):

BND5.00

(Tidak dikembalikan)



**Tarikh Tutup:**  
Sabtu, 15 Februari 2025.  
Jam 2.00 Petang.



## JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

**Tajuk Tawaran (1)**  
Term Contract For One (01) Year Of Maintenance of Existing Lightings and Electrical Accessories at Department Of Civil Aviation Buildings, Brunei International Airport AME / 2025 – 2026 / SH-07 (Kelas III / IV / V)

**Tajuk Tawaran (2)**  
Kerja-Kerja Pembasmian Serangga atau Binatang Perosak dan lain-lain (Pest Control) Di Bangunan-Bangunan Jabatan Penerbangan Awam bagi tempoh 12 bulan (1 Tahun)  
AME / 2024 – 2025 / SH-73 / R (Kelas II atau ke atas)

**Tajuk Tawaran (3)**  
To Supply and Replace Compound Lighting at Surau LTAB, Brunei International Airport AME / 2024 – 2025 / SH-79 / R (Kelas I/II atau ke atas)

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Tawaran:**  
12 Februari 2025. (Rabu)

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:**  
25 Februari 2025. (Selasa)

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
26 Februari 2025.  
Rabu,  
Tidak lewat  
jam 2.00 Petang.



**Bilangan Sebut Harga:**  
REG / 2025 – 2026 / SH-01

**Tajuk Tawaran:**  
Provision Of Venue, Facilities And Refreshment Package For In-House Corporate Training (Auditing Technique And Best Practices) For Department Of Civil Aviation, Ministry Of Transport And Infocommunications

**Kepada:**  
Pengerusi Jawatankuasa Sebut harga, Jabatan Penerbangan Awam d/a Aras Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Bandar Seri Begawan BB2513 Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Iklan/Mengambil Dokumen Sebut Harga :**  
11 Februari 2025.  
Selasa.

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga :**  
24 Februari 2025.  
 Isnin.

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
25 Februari 2025.  
Selasa.  
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)



**Bilangan Sebut Harga:**  
JAPEM / BSH / 018 / 2025

**Tajuk Sebut Harga:**  
Pembekalan Makanan dan Minuman Bagi Meraikan Aidilfitri Di Bulan Syawal 1446H Bagi Residen Kompleks Rumah Kebajikan

**Tarikh Tutup :**  
Khamis,  
27 Februari 2025.  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



**Bilangan Sebut Harga:**  
22 / DBP / SH / 2024 - 2025

**Nama Dokumen Sebut Harga:**  
Mencetak Buku Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**Harga Borang Tawaran:**  
BND10.00

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
20 Februari 2025.





**PEMANGKU Pengarah Penjara, Awang Bahrin bin Haji Mohammad Yassin hadir selaku tetamu khas pada Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1446 Hijrah (atas), manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.**

**BERAKAS**, Selasa, 11 Februari. - Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS meneruskan lagi Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1446

Hijrah pagi tadi dengan memperdengarkan seramai 20 peserta hafazan bagi Kategori 'A', Kategori 'B', Kategori 'C' dan Kategori 'D'.

Usaha berterusan berkenaan adalah untuk melahirkan golongan



## 20 PESERTA MEMPERDENGARKAN BACAAN AL-QURAN

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

penghafaz Al-Quran di Negara Brunei Darussalam yang mampu menghafaz Al-Quran dengan sangat baik dan sempurna serta dapat memahami ayat-ayat suci Al-Quran, di samping menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai satu kebiasaan dan amalan hidup setiap hari dalam kalangan kanak-kanak dan remaja khususnya, dan umat Islam di negara ini amnya.

Musabaqah diadakan selama dua hari bermula hari ini bertempat di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis berkenaan, Pemangku Pengarah Penjara, Awang Bahrin bin Haji Mohammad Yassin.

Turut hadir, ketua-ketua jabatan dan bahagian serta para pegawai kanan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan juga para jemputan daripada agensi kerajaan serta institusi pengajian berkenaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha oleh tenaga pengajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), KHEU, Awang Yusairi bin Asbol.

Pada tahun ini, seramai 25 peserta, iaitu lima peserta bagi setiap kategori layak bertanding pada Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1446H yang mencapai markah 75 peratus

ke atas.

Para peserta yang layak bertanding pada peringkat akhir berkenaan merupakan mereka yang telah berjaya melalui musabaqah di peringkat saringan dan peringkat separuh akhir.

Antara kategori yang dipertandingkan ialah Kategori 'A', iaitu menghafaz satu Juzuk Al-Quran, iaitu Juzuk 30 berserta pemahaman Juzuk 30 dan terbuka kepada peserta yang lahir pada 2012 dan selepasnya (13 tahun ke bawah).

Sementara Kategori 'B' pula ialah menghafaz surah-surah pilihan, iaitu Surah Luqmaan, Surah As-Sajdah, Surah Ya Siin, Surah Ad-Dukhan, Surah Ar-Rahmaan, Surah Al-Waqi'ah, Surah Al-Jumu'ah, Surah Al-Mulk, Surah Al-Jinn, Surah Al-Insan berserta pemahaman Surah Al-Qasas dan Surah Al-'Ankabut, yang terbuka kepada peserta yang lahir pada 2011 dan sebelumnya (14 tahun ke atas).

Manakala bagi Kategori 'C' ialah menghafaz tiga Juzuk Al-Quran, iaitu Surah Al-Baqarah dan Surah Ali-'Imraan berserta pemahaman Surah Yusuf, Surah Ar-Ra'd dan Surah Ibrahim dan terbuka kepada semua peringkat umur.


Bagi Kategori 'D' pula ialah menghafaz 15 Juzuk Al-Quran, iaitu dari Juzuk 1 hingga Juzuk 15 berserta pemahaman Surah As-Saffat, Surah Sad dan Surah Az-Zumar, serta terbuka kepada semua peringkat umur dan tidak

pernah menerima Elaun Ujian Tasmie' Menghafaz Al-Quran NBD dalam Kategori 30 Juzuk.

Johan dalam Kategori 'D' dua kali berturut-turut hanya boleh menyertai musabaqah berkenaan selepas dua tahun (dari tahun kedua) menjadi johan dan tidak pernah menjadi johan dalam Kategori 'E'.

Musabaqah akan disambung lagi pada hari kedua, Rabu, 12 Februari bagi memperdengarkan Musabaqah Kategori 'E' dan diselajurkan dengan penyampaian suguhan kepada para peserta dan cenderamata kepada hakim-hakim musabaqah.

Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya merupakan acara tahunan dan dikendalikan oleh Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS.



**SALAH** seorang peserta yang memperdengarkan bacaannya.

## Projek Fathul Barakah 6.0 : Peluang infak jariah kepada asnaf mualaf



**TURUT** menyertai Projek Fathul Barakah 6.0, Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Awang Haji Azman bin Haji Musa (atas dan atas kanan).

**TUTONG**, Isnin, 10 Februari. - Bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk sama-sama berinfak jariah atau bersedekah kepada asnaf mualaf yang memerlukan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dengan kerjasama Persatuan Saudara-saudara Baharu Negara Brunei Darussalam (NBD) meneruskan Projek Fathul Barakah 6.0 bersempena kedatangan bulan Ramadan 1446 Hijrah bagi Daerah

Tutong.

Turut menyertai projek berkenaan, Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Awang Haji Azman bin Haji Musa.

Penerimaan sumbangan bagi projek berkenaan diadakan selama dua hari bermula hari ini, mulai jam 8.30 pagi hingga 4.00 petang bertempat di Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong, di sini. Penerimaan sumbangan dijalankan secara pandu lalu.



Projek berkenaan mendapat sambutan daripada orang ramai dengan terus menerima sumbangan berupa makanan asasi seperti beras, minyak masak, biskut, tepung, gula, makanan dalam tin, udang atau pusu kering, bawang-bawangan, garam, teh dan kopi, mi, mentega dan air mineral dan sebagainya.

Projek Fathul Barakah 6.0 merupakan kerja-kerja berkebajikan yang diungkayahkan untuk kesejahteraan para mualaf di

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

negara ini dan juga sebagai satu dakwah *bil mal* dalam memeduli perkembangan kehidupan, kebajikan serta penghayatan agama Islam asnaf mualaf di negara ini agar terus dapat melaksanakan ibadah dengan lebih sempurna lebih-lebih lagi menjelangnya bulan Ramadan yang akan tiba tidak lama lagi.

Di samping itu, untuk

mengeratkan hubungan ukhuwah antara ahli-ahli Persatuan Saudara-Saudara baharu NBD dengan warga PDI.

PDI mengucapkan terima kasih atas sumbangan yang dihulurkan. Semoga sumbangan orang ramai berkenaan mendapat keberkatan dan memperoleh ganjaran yang besar daripada Allah Subhanahu Wata'alaa.

# 25 PESERTA TERPILIH KE PERINGKAT AKHIR MUSABAQAH MENGHAFAZ AL-QURAN

**Siaran Akbar : Kementerian Hal Ehwel Ugama**

**BERAKAS**, Isnin, 10 Februari. - Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah akan diadakan selama dua hari berturut-turut iaitu pada Selasa dan Rabu, 12 dan 13 Syaaban 1446 bersamaan 11 dan 12 Februari 2025 bertempat di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Seramai 25 peserta telah terpilih dan layak ke Peringkat

Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah, iaitu lima peserta masing-masing akan bertanding dalam setiap Kategori 'A', 'B', 'C', 'D' dan 'E'.

Sehubungan itu, peserta-peserta yang terpilih hendaklah hadir lebih awal pada tarikh dan waktu yang telah ditetapkan iaitu Kategori 'A', 'B', 'C' dan 'D' akan bertanding pada Selasa, 11 Februari 2025, bermula pukul 8.30 pagi hingga selesai.

Manakala Kategori 'E' pula pada

Rabu, 12 Februari 2025 bermula pukul 8.30 pagi.

Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah merupakan projek tahunan Kementerian Hal Ehwel Ugama yang dikendalikan oleh Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS.

Musabaqah tersebut diadakan secara berperingkat-peringkat bermula dari peringkat saringan, peringkat separuh akhir dan peringkat akhir kebangsaan.

## 'Mekar' berjaya lepasi pemeriksaan teknikal, berpeluang bersaing di litar



PASUKAN Belia Tabah baru-baru ini menghasilkan satu pencapaian penting pada Shell Eco-marathon Asia and Middle East 2025 setelah berjaya melepassi pemeriksaan teknikal yang ketat dan memperoleh peluang untuk bersaing di litar dengan kenderaan elektrik bateri mereka, 'Mekar'.

**Siaran Akbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam**

**LITAR ANTARABANGSA LUSAIL, DOHA**, Isnin, 10 Februari. - Pasukan Belia Tabah baru-baru ini menghasilkan satu pencapaian penting pada Shell Eco-marathon Asia and Middle East 2025 setelah berjaya melepassi pemeriksaan teknikal yang ketat dan memperoleh peluang untuk bersaing di litar dengan kenderaan elektrik bateri mereka, 'Mekar'.

Pemeriksaan teknikal merupakan fasa penting dalam pertandingan, terdiri daripada 11 peringkat, menilai aspek seperti integriti mekanikal, sistem elektrik dan keselamatan pemandu.

Setiap kenderaan mesti memenuhi piawaian keselamatan yang ketat dan prestasi mengikut ketetapan dalam pertandingan

sebelum dibenarkan untuk menyertai ujian litar dan pertandingan berkenaan.

Melepassi pemeriksaan berkenaan membuktikan dedikasi pasukan, kepakaran teknikal dan tempoh persiapan yang sekian lama dilakukan. Dengan Mekar kini diluluskan secara rasmi, pasukan Belia Tabah bersedia untuk menyahut cabaran seterusnya, mengoptimumkan prestasi semasa ujian amali dan bersaing dengan beberapa kenderaan paling cekap tenaga di dunia.

"Pencapaian ini mencerminkan kerja keras dan ketabahan pasukan kami. Melepassi pemeriksaan teknikal bukan hanya mengenai pematuhan, ia juga tentang memastikan

kenderaan kami selamat, cekap dan bersedia untuk beraksi pada tahap tertinggi," kata Pengurus pasukan, Awang Mohd. Hifdzur Azmi bin Haji Mohd. Zain.

Pasukan Belia Tabah kini akan menumpukan pada penyelaras strategi mereka, memanfaatkan sepenuhnya baki hari pertandingan untuk meningkatkan kecekapan dan prestasi Mekar ke tahap maksimum.

Pasukan Belia Tabah juga ingin mengucapkan terima kasih kepada penaja, mentor dan penyokong mereka yang telah memainkan peranan penting dalam perjalanan mereka.

Dalam persediaan untuk bersaing, mereka tetap komited untuk mempamerkan inovasi dan kemampuan dalam mobiliti cekap tenaga.

## Operasi Waspada kesan beberapa kesalahan dilakukan oleh majikan



BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh semasa menjalankan Operasi Waspada 22 / 2025.

**Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Buruh**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 11 Februari. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh telah menjalankan Operasi Waspada 22 / 2025 di Kampung Sungai Besar pada 4 Februari 2025 bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, Penggal 278 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan ke atas kegiatan syarikat pengurusan keselamatan kenderaan, Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien telah mendapat sebanyak lima kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan.

Antara kesalahan tersebut ialah Bab 39, majikan tidak membayar gaji dan kerja lebih masa, Bab 63, majikan tidak memberikan cuti rehat, Bab 64, bekerja pada hari rehat, Bab 65, pekerja bekerja melebihi jam yang ditetapkan dan Bab 70, majikan gagal memberikan cuti pada hari kelepasan awam yang diwartakan.

Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebijakan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 seperti membayar gaji dan kerja lebih masa, memberikan cuti rehat sehari dalam seminggu atau mana-mana hari dalam minggu tersebut, memberikan pekerjaan tidak melebihi masa yang ditetapkan menurut undang-undang dan memberikan cuti pada hari kelepasan awam yang diwartakan.

Untuk makluman lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerui talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

**2nd BGF! | BRUNEI GASTRONOMY FESTIVAL**

**A CELEBRATION OF OUR FLAVOR AND FOOD CULTURE**

**13 FEBRUARY until END OF RAMADHAN**

Scan to learn more on this event

**www.bruneitourism.com/bgf**

**@bruneigastronomyfest**

# KE ARAH MEMBANGUNKAN TENAGA KERJA MAHIR BERTARAF DUNIA

Siaran Akhbar dan Foto : Politeknik Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 10 Februari. - Pertandingan Kebangsaan WorldSkills ASEAN 2025 anjuran Politeknik Brunei (PB) baru-baru ini di Kampus Politeknik Brunei, Ong Sum Ping menghimpunkan 15 peserta berbakat berumur 21 tahun ke bawah dari PB dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE).

Pada pertandingan itu, para peserta diberi peluang untuk memamerkan kepakaran mereka dalam tiga kategori perdagangan utama: Pentadbiran Sistem Rangkaian IT; Teknologi Web dan CAD Kejuruteraan Mekanikal.

Pertandingan Kebangsaan WorldSkills ASEAN 2025 berfungsi sebagai platform untuk bakat muda menunjukkan kemahiran mereka sambil memberi mereka peluang untuk mewakili negara di pentas antarabangsa dan mewujudkan penanda aras untuk kecemerlangan dalam landskap vokasional Brunei.

Pakar dan juri dari PB, IBTE dan rakan kongsi industri menilai dengan teliti kemahiran peserta, sambil memastikan penajaran dengan piawaian global.

Pemenang-pemenang iaitu Jonatan Muli Anak Philip dalam Pentadbiran Sistem Rangkaian IT; Dayang Marissa Eadlina binti Haji Noorali dalam Teknologi Web; dan Muhammad Farwan bin Abdullah Omar dalam CAD Kejuruteraan Mekanikal, telah menunjukkan kemahiran dan dedikasi yang luar biasa dalam kategori masing-masing.

**PEMANGKU** Pengetua Kampus IBTE Satelit, Dr. Suhami bin Haji Abdul Wahab hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya bergambar ramai pada Majlis Penutup Pertandingan Kebangsaan WorldSkills ASEAN 2025 (bawah dan kanan).

Melangkah ke hadapan, peserta-peserta ini akan melalui latihan yang ketat untuk mempersiapkan mereka menghadapi Pertandingan WorldSkills ASEAN Ke-14 2025 di Manila, Republik Filipina, Ogos ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penutup ialah Pemangku Pengetua Kampus IBTE Satelit, Dr. Suhami bin Haji Abdul Wahab dan delegasi teknikal Brunei untuk WorldSkills ASEAN 2025.

Pertandingan ini bukan sahaja meraikan bakat luar biasa di negara ini tetapi juga mengukuhkan komitmen negara untuk membangunkan tenaga kerja mahir bertaraf dunia, salah satu matlamat Wawasan Brunei 2035.

Pertandingan ini juga mendapat sokongan dan penglibatan berharga pemain industri utama, termasuk Brunei LNG Sdn. Bhd. (BLNG), Syarikat Joffren Omar Sdn. Bhd., Sprintville Technologies Sdn. Bhd. dan Kementerian Pertahanan, menonjolkan kerjasama kukuh antara pendidikan dan industri dalam memupuk tenaga kerja mahir Brunei.



**NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN**

**Fikir sebelum beli**

- "boleh pecaya kan tu?"
- "mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"
- "ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"
- "iawah? banar kan tawarannya ani?"
- Jadi pengguna yang bertanggungjawab**

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

## Agar-Agar Pujaan Kampung Mumong

### BAHAN-BAHAN :

30g serbuk agar-agar  
155g gula pasir  
½ cawan serbuk kacang tanah yang telah digoreng tanpa minyak dan ditumbuk kasar  
1½ cawan air  
¼ pati santan  
1/3 cawan tepung kacang hijau jenama Hoen Kwei  
2 biji telur ayam yang dipukul kembang

210ml susu manis  
3 titik esen vanila

### CARA-CARA MEMBUATNYA :

Campurkan santan, tepung kacang hijau, telur yang telah dipukul kembang, susu manis dan esen vanila hingga sebatи. Pada bekas yang lain, masukkan agar-agar dan air masak hingga mendidih. Masukkan gula, kacau sampai hancur dan angkat lalu

tapis.

Campurkan kedua-dua adunan dalam keadaan api yang kecil dan kacau rata. Tutup api dan tuangkan ke dalam sebuah acuan yang besar mengikut cita rasa sendiri.

Taburkan kacang tanah yang telah ditumbuk apabila agar-agar mula memekat (sebelum membeku) supaya nampak cantik sebelum dihidangkan.

# MEMPERKASA PENGETAHUAN, KEMAHIRAN DALAM MENGGAPAI



ANTARA peserta yang menghadiri Bengkel Pengurusan Jenazah di Masjid Kampung Perpindahan Mata-Mata (kiri dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 10 Februari. - Seramai 45 peserta mengikuti Bengkel Pengurusan Jenazah yang berlangsung di Masjid Kampung Perpindahan Mata-Mata, baru-baru ini.

Bengkel berkenaan merupakan anjuran Syarikat Pengurusan Kifayah Ar-Razaq dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Masjid

Kampung Mata-Mata. Adapun bengkel ini mengetengahkan mengenai pengenalan barang-barang kelengkapan jenazah dan sesi praktikal mengkafarkan, memandikan serta tatacara menyembahyangkan jenazah. Fasilitator bengkel disampaikan oleh salah seorang tenaga pengajar di Sekolah

Perpindahan Mata-Mata. Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Asmady bin Haji Ahmad bagi peserta lelaki manakala peserta perempuan ditunjuk ajar oleh Dayang Hajah Siti Animi binti Haji Salleh dan Dayangku Noraidah binti Pengiran Salleh yang merupakan penggapai-penggapai dari Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Tujuan bengkel antara lain

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto : Ihsan Hezqyl Haji Hambali

untuk memperkasa pengetahuan dan kemahiran dalam menggapai (pengurusan jenazah), sekali gus mendidik diri untuk sentiasa mengingat kematian sebagai sebahagian daripada kehidupan.

Pihak pengajur berharap

dapat memberi inspirasi kepada peserta untuk terus memartabatkan lagi ilmu Fardu Kifayah dan terus mengongsikan lagi ilmu yang dipelajari dan menjadikan pengurusan jenazah di negara ini lebih teratur dan selari dengan syariat Islam.

## Program Happy School pertingkatkan kualiti, keupayaan pelajar



YANG Dipertua PGGMB hadir selaku tetamu kehormat pada Program Happy School dan seterusnya menyertai sesi bergambar ramai bersama-sama yang hadir di Sekolah Tunas Jaya PGGMB Madang.

Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Tunas Jaya PGGMB Madang

**MADANG**, Isnin, 10 Februari. - Sekolah Tunas Jaya (STJ) PGGMB Madang baru-baru ini melancarkan Program Happy School bagi mempertingkatkan kualiti dan keupayaan murid-murid sekolah secara menyeluruh.

Guru Besar STJ PGGMB Madang, Awang Ismail bin Haji Tia menggariskan tujuan Program Happy School ini ialah untuk memberikan keselesaan kepada

murid-murid untuk mendapatkan pendidikan yang menyeluruh dan menimbulkan rasa mencintai dan menyayangi sekolah mereka.

Sekolah tambahnya juga berazam untuk menyediakan prasarana pendidikan yang efektif kepada murid-murid agar mereka mendapatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang dinamik dan berkesan dan memberi peluang kepada ibu bapa dan

penjaga murid agar sama-sama memainkan peranan dalam memajukan sekolah dan meningkatkan tahap pencapaian akademik serta disiplin anak masing-masing.

Majlis diisikan dengan pelbagai aktiviti oleh murid-murid sekolah antaranya ialah Persembahan Tarian Samalindang, tayangan klip video 'Happy School', public speaking Tahun 4, tayangan video lakonan bertajuk 'Memahami Cikgu Ros', lakonan pentas

pelajar-pelajar Tahun 5 serta nyanyian dan tarian Tahun 1 dan seterusnya penyampaian hadiah.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Dipertua PGGMB, Haji Awang Abdul Alim bin Haji Awang Othman.

Turut hadir, Setiausaha Agung PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri; Timbalan Setiausaha Agung (Luar Negeri), PGGMB, Awang Haji Yahya bin Haji Mirassan; para jemputan, guru-guru, ibu bapa dan penjaga

murid dan murid-murid sekolah.

Tetamu kehormat majlis turut menyempurnakan hadiah-hadiah dalam pelbagai kategori yang dipersembahkan.

Alhamdulillah para ibu bapa dan penjaga murid sangat teruja melihat persembahan yang ditunjukkan oleh anak-anak mereka. Mereka merakamkan terima kasih kepada guru-guru atas usaha dan kegigihan mereka mendidik murid-murid di sekolah ini.



# Eksopo Pengajian Tinggi bantu fahami hala tuju pendidikan

Rencana dan Foto : Marlinawaty Hussin

**P**ENDIDIKAN memainkan peranan penting dalam membentuk generasi anak bangsa yang akan datang bagi melengkapi diri mereka dengan ilmu pengetahuan, membina kemahiran berfikir dan memupuk nilai-nilai murni, seterusnya membolehkan mereka menyumbang kepada masyarakat serta menyesuaikan diri dengan dunia yang sentiasa berubah.

Dengan melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi, setiap individu dapat memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang khusus bagi menyumbang kepada pertumbuhan dan kemajuan negara.

Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengajian Tinggi baru-baru ini mengadakan Eksopo Pengajian Tinggi Kali Ke-10 Tahun 2025 yang berlangsung selama dua hari pada 8 hingga 9 Februari yang lalu bertempat di Dewan 1 dan 2, BRIDEX, Jerudong.

Eksopo tersebut menjadi platform bagi orang ramai khususnya para pelajar lepasan menengah yang telah menduduki Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE 'O' Level dan prauniversiti, Brunei-Cambridge GCE 'A' Level atau berkelulusan sebanding dengannya yang berhasrat untuk meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi termasuk mereka yang ingin mengembangkan kemahiran secara *upskilling* (meningkatkan kemahiran yang ada) dan *reskilling* (mempelajari kemahiran baharu yang lain).

Pembukaan eksopo tersebut dirasmikan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datuk Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh selaku tetamu kehormat. Semasa eksopo itu juga, Yang Berhormat Menteri Pendidikan merasmikan Pelancaran Pelan Strategik 2025 - 2030 Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) yang menggariskan visi bercita-cita tinggi bagi masa hadapan institusi berkenaan. Pelancaran tersebut menandakan satu pencapaian penting dalam komitmen berterusan pihak IBTE untuk memajukan pendidikan teknikal dan vokasional di negara ini.

Sebanyak 64 pempamer menyertai eksopo berkenaan termasuk 16 institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta dalam negara; 23 agensi dan institusi dari luar negara; empat kedutaan serta 21 agensi kerajaan dan swasta.

Institusi-institusi yang terlibat mengongsikan program-program seperti Sijil Kebangsaan Pendidikan Teknik (National Technical Education Certificate - NTec), Sijil Tertinggi Kebangsaan Pendidikan Teknik (Higher National Technical Education Certificate - HNTec), Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran.

Salah seorang pelajar lepasan 'A' Level, Dayang Nur Isma Humaira binti Haji Ismawardy, 18 tahun berkata, beliau mengunjungi eksopo tersebut bagi melihat

peluang-peluang yang ditawarkan oleh IPT di negara ini.

"Maklumat yang saya peroleh di eksopo ini sangat berguna dan membantu saya memahami akan hala tuju pendidikan berdasarkan keputusan peperiksaan yang saya perolehi."

"Pihak-pihak IPT dan agensi yang terlibat juga sangat membantu dan mereka menerangkan secara terperinci mengenai kursus atau program yang ditawarkan oleh mereka," katanya kepada Pelita Brunei.

Sementara itu, Dayang Haziqah Nadhirah Diyana binti Narudin, 23 tahun berkata, eksopo berkenaan memberikan maklumat yang menarik dan penting untuk diketahui oleh orang ramai khususnya para pelajar atau graduan di negara ini terutama mengenai peluang yang terbuka luas bagi memilih program atau kursus yang bersesuaian dengan kelulusan dan minat mereka.

"Kami dapat berinteraksi secara bersemuka dengan pihak-pihak berkenaan bagi memahami lagi mengenai program akademik atau kursus kemahiran yang ditawarkan selain mendapatkan informasi lain termasuk kelayakan, pembiayaan dan biasiswa."

"Ia membantu para ibu bapa atau para lepasan sekolah dan bakal graduan yang berminat melanjutkan pengajian untuk membuat persiapan lebih awal seperti menyediakan dokumen-dokumen yang diperlukan dan menyasarkan gred yang mencukupi untuk melayakkan diri mereka

mengikuti program pilihan," katanya.

Dalam pada itu, penuntut jurusan Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Agroteknologi ini bercadang untuk melanjutkan pengajian di luar negara di peringkat sarjana jika mempunyai peluang.

"Ini kerana lebih banyak pilihan kursus yang ditawarkan di IPT luar negara, selain berminat untuk menimba pengalaman dan meningkatkan daya saing diri selaras dengan pelajar peringkat antarabangsa."

"Belia merupakan pemangkin kemajuan negara dan penting bagi para pelajar untuk menggunakan pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh daripada pengajian tersebut untuk menyumbang kembali kepada negara," jelasnya.

Eksopo Pengajian Tinggi Kali Ke-10 Tahun 2025 ini menunjukkan komitmen Kementerian Pendidikan untuk menyalurkan maklumat bagi para pelajar yang berhasrat untuk menyambung pelajaran mereka di peringkat tinggi. Para lepasan sekolah seharusnya tidak mensia-siakan peluang yang ada ini untuk mencari hala tuju mereka dalam bidang yang bersesuaian dengan kelulusan yang ada untuk masa depan mereka.

Memang diakui kelayakan, pengetahuan serta pengalaman yang diperolehi semasa belajar tidak sama bagi setiap orang tetapi dengan kemahiran yang kuat dan semangat untuk belajar setentunya akan menjadikan masa depan yang lebih cerah jika berusaha gigih untuk berjaya.





# Mengawal kanser serviks di Negara Brunei Darussalam

Oleh : Norliah Md. Zain

Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

**K**ANSER serviks berpunca daripada ketumbuhan sel-sel yang tidak terkawal di bahagian pangkal rahim. Kanser serviks adalah kanser keempat paling lazim berlaku dalam kalangan wanita di seluruh dunia. Pada tahun 2022, menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), dianggarkan sebanyak 660,000 kes baru kancer serviks dan sebanyak 350,000 kematian akibat kanser serviks dicatatkan.

Di Negara Brunei Darussalam pula, bagi tempoh tahun 2019 sehingga 2023, seramai 127 orang wanita telah disahkan menghidapi kanser serviks iaitu di antara 23 hingga 32 orang setahun dan dengan jumlah kematian sebanyak 51 orang dalam tempoh yang sama.

## Faktor-faktor risiko kanser serviks

Jangkitan kuman papillomavirus manusia (HPV) adalah punca utama penyebab kanser serviks. Selain itu, faktor lain juga disebabkan oleh penggunaan pil hormon secara berpanjangan; melakukan hubungan seks dengan ramai pasangan; aktif melakukan aktiviti seksual pada usia muda; penyakit jangkitan seksual seperti HIV dan penggunaan produk tembakau.

## Jangkitan HPV

Secara amnya, lebih daripada 99 peratus kes kanser serviks adalah dikaitkan dengan jangkitan *human papillomavirus* atau HPV, iaitu sejenis virus yang biasanya berjangkit melalui hubungan kelamin. Kebanyakan jangkitan HPV ini akan sembah secara spontan dan tidak menyebabkan sebarang gejala. Namun, jangkitan *high-risk* HPV atau HPV berisiko tinggi yang berterusan boleh mengakibatkan kanser serviks.

Jangkitan atau HPV ini boleh dikesan pada tahap yang awal dengan mudah melalui ujian saringan khusus, iaitu Ujian HPV yang boleh dilakukan oleh profesional kesihatan,

ataupun para wanita sendiri, iaitu secara *self-sampling*. Wanita yang dikesan mempunyai jangkitan HPV selalunya akan dinasihatkan untuk hadir bagi pemeriksaan dan penilaian lanjut oleh doktor.

## Tanda-tanda, gejala kanser serviks

Antara tanda-tandanya ialah pendarahan yang tidak normal; semasa atau selepas melakukan hubungan seks atau di antara tempoh haid; pendarahan selepas putus haid; kesakitan semasa melakukan hubungan seks dan lelehan atau lendir yang berlebihan atau busuk dari faraj.

Sesiapa yang mendapat tanda-tanda ini, awda adalah dikehendaki untuk berjumpa doktor untuk pemeriksaan lanjut.

Menyedari kanser ini perlu diberi perhatian, maka sejak tahun 2009, para profesional kesihatan di Negara Brunei Darussalam (NBD) telah mengamalkan Garis Panduan Nasional untuk Pencegahan dan Kawalan Kanser Serviks 2009 dalam usaha penyaringan, kawalan dan rawatan kanser serviks. Garis panduan tersebut telah membawa kepada peningkatan yang ketara dalam kualiti penyaringan kanser serviks serta pengurusan penyakit ini.

Walau bagaimanapun, berikut dengan amalan-amalan terbaik yang berdasarkan kajian-kajian dan dapatan klinikal yang terkini serta selari dengan kemajuan teknologi dalam penyaringan kanser serviks adalah sangat penting bagi garis panduan dikemas kini bagi menjamin keberkesanan dan relevansinya yang berterusan.

Kementerian Kesihatan telah mengambil inisiatif mengemas kini Garis Panduan Nasional untuk Pencegahan dan Kawalan Kanser Serviks 2009 dengan melibatkan beberapa disiplin perubatan dan kesihatan untuk memastikan penyediaan garis panduan yang komprehensif.

Profesional kesihatan terlibat yang dimaksudkan adalah seperti dalam

pelaksanaan perkongsian maklumat kesihatan dari Pusat Promosi Kesihatan, perkhidmatan pencegahan di peringkat program kesihatan awam dan pemberian vaksinasi HPV, peringkat penyaringan dan pengesanan di peringkat komuniti melalui pusat-pusat dan klinik-klinik kesihatan, pemeriksaan sampel-sampel oleh pihak makmal dan seterusnya rawatan-rawatan berkaitan oleh pakar-pakar di hospital.

Pada Rabu, 15 Januari 2025, Majlis Pelancaran Buku Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Kanser Serviks Kebangsaan 2025 telah diadakan. Garis Panduan ini diharap akan dijadikan sebagai satu sumber komprehensif yang mengandungi amalan dan saranan berdasarkan bukti terkini bagi mencegah dan merawat kanser serviks untuk digunakan oleh para profesional penjagaan kesihatan dan pengubal dasar.

Dengan adanya garis panduan ini nanti, setiap jabatan atau pihak yang berkepentingan akan dapat memainkan peranan masing-masing dalam memastikan segala tindakan yang diambil adalah menurut piawaian serta prosedur kerja yang disarankan, bagi melindungi, merawat dan memberi perkhidmatan terbaik kepada setiap pesakit.

## Langkah-langkah pencegahan kanser serviks

Remaja perempuan berusia 13 tahun adalah disarankan untuk mendapatkan suntikan vaksin HPV. Para wanita juga disarankan untuk menjalani Ujian Pap sekurang-kurangnya setiap tiga tahun atau ujian HPV sekurang-kurangnya setiap lima tahun. Dapatkan nasihat daripada doktor jika mempunyai faktor risiko atau sebarang tanda atau gejala kanser pangkal rahim. Selain itu, elakkan juga penggunaan tembakau.

## Cara-cara pengesanan awal kanser serviks

Antara cara pengesanan awal ialah

dengan melakukan ujian HPV iaitu pengambilan sampel sendiri menggunakan *swab* yang mana akan dimasukkan ke bahagian faraj untuk mengesan HPV sebelum terjadi perubahan kepada sel-sel serviks.

Terdapat juga ujian pap iaitu ujian yang memerlukan sejenis alat (*speculum*) dimasukkan melalui faraj untuk melihat pangkal rahim dan membolehkan contoh tisu di pangkal rahim diambil menggunakan *spatula*.

Terdapat satu program iaitu Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan (PPKK) untuk pemeriksaan kanser serviks yang sememangnya dibuka kepada warganegara dan penduduk tetap (wanita) NBD yang berumur 25 hingga 65 tahun; pernah melakukan hubungan seksual; tidak pernah menghidap kanser serviks; tidak menjalani ujian pap dalam tempoh tiga tahun kebelakangan dan tidak menjalani ujian HPV dalam tempoh lima tahun kebelakangan.

Untuk menyertai program ini, orang ramai boleh membuat pendaftaran dengan mengakses 'Saringan Kanser Serviks' melalui ciri 'Penilaian Risiko' di aplikasi BruHealth atau mendaftar di Klinik Kesihatan Wanita berhampiran jika berumur 40 tahun ke atas atau di pusat kesihatan berhampiran bagi yang berumur di bawah 40 tahun.

Rakyat dan penduduk di NBD sememangnya bertua kerana akses untuk membuat ujian seperti ini diberikan secara percuma di klinik-klinik kerajaan. Ujian seperti ini penting bagi mengetahui tahap kesihatan masing-masing. Apa yang penting adanya kesedaran orang ramai untuk menjalani ujian tersebut serta memanfaatkan peluang serta kemudahan-kemudahan yang tersedia ini. Penyertaan orang ramai menunjukkan komitmen serta sokongan berterusan dalam usaha negara mengawal kanser serviks di NBD. Langkah-langkah yang diambil ini adalah selaras dengan inisiatif WHO iaitu untuk menghapuskan kanser serviks menjelang tahun 2030.

# 244 INDIVIDU, 78 SYARIKAT KENA KOMPAUN SEPANJANG TAHUN 2024



ANTARA kesalahan yang didapati oleh Bahagian Pengawalan dan Penguatkuasaan Bandar, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan di sepanjang tahun 2024 (atas, kiri dan bawah).

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 10 Februari. - Sepanjang tahun 2024, Bahagian Pengawalan dan Penguatkuasaan Bandar, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan (BSB) telah mencatatkan seramai 244 individu dan 78 syarikat dikenakan tindakan kompaun dengan jumlah keseluruhan sebanyak BND111,200.

Mereka didapati melakukan kesalahan di bawah Bab 12 Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian (Pindaan) 2021 (Miscellaneous Offences Act), Penggal 30, iaitu membuang sampah di tempat awam dan tanah lapang.

Menurut pindaan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian Pindaan 2021 (Miscellaneous Offences Act) Penggal 30, kadar

kompaun bagi mana-mana individu atau badan korporat yang dikeluarkan kompaun bagi kesalahan di bawah Bab 12 atau mana-mana kesalahan bagi individu, denda kompaun tidak melebihi BND1,000 manakala bagi badan korporat, denda kompaun tidak melebihi BND2,000.

Bagi kesalahan yang dilakukan oleh individu atau badan korporat yang gagal membayar kompaun dan diambil tindakan melalui mahkamah, hukuman adalah seperti berikut:

Mana-mana individu yang melakukan kesalahan di bawah bab ini, jika didapati bersalah, boleh dikenakan denda tidak kurang daripada BND1,000 dan tidak melebihi BND3,000 bagi kesalahan

pertama. Bagi kesalahan kedua atau berikutnya, denda tidak kurang daripada BND3,000 dan tidak melebihi BND9,000, penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Bagi badan korporat yang melakukan kesalahan pertama,

denda tidak kurang daripada BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000. Bagi kesalahan kedua atau berikutnya, denda tidak kurang daripada BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000 penjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Dalam kes-kes tersebut, individu dan syarikat yang terlibat dikehendaki menjelaskan kompaun masing-masing di Bahagian Kewangan, Tingkat 3, Bangunan Jabatan Bandaran BSB, Jalan Perdana Menteri, dalam tempoh 7 hari.

Sementara itu, dari awal Januari 2025 hingga 23 Januari 2025, sebanyak lima individu dan sembilan syarikat telah dikenakan kompaun berjumlah BND12,600 atas kesalahan di bawah akta yang sama.

Operasi yang dijalankan turut melibatkan beberapa agensi kerajaan, seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Buruh, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar, serta beberapa agensi penguatkuasaan lain.

Jabatan Bandaran BSB mengingatkan semua individu serta pemilik atau penyewa bangunan agar bersama-sama memelihara keindahan, kebersihan, keselamatan, dan kesejahteraan BSB.

Pada masa yang sama, jabatan ini mengalu-alukan orang ramai untuk mengemukakan sebarang aduan atau berkongsi maklumat melalui nombor talian e-Darussalam : 123 atau e-mel : Info@123.gov.bn; laman sesawang www.123.gov.bn; talian WhatsApp +673 8333123 dan Hotline Bahagian Pengawalan dan Penguatkuasaan Bandar +673 7291122.



## Pelbagai kesalahan ditemukan semasa Operasi Panyap JIPK

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan**



SEKITAR Operasi Panyap yang dilaksanakan dengan menyasarkan beberapa kawasan di Negara Brunei Darussalam (atas dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 10 Februari. - Sebanyak tiga operasi penguat kuasa undang-undang, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) di bawah Operasi Panyap telah pun dilaksanakan dengan menyasarkan beberapa kawasan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Adapun tujuan operasi berkenaan diadakan adalah bagi menguatkuasakan akta dan peraturan yang

dipertanggungjawabkan di bawah JIPK termasuk Akta Anti Pemerdagangan Orang, Penggal 230 dan Akta Pencegahan Penyaludupan Orang, Penggal 229.

Sehubungan itu, Operasi Panyap 13/2025 dijalankan baru-baru ini ke atas rumah dua tingkat di Mukim Pengkalau Batu dan kedai makan di Mukim Sengkurong. Hasil daripada operasi berkenaan, seramai empat warganegara asing telah pun

diperiksa. Dua orang daripadanya telah pun ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang setelah dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17, iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen mereka mansuh.

Sementara itu, Operasi Panyap 14/2025 pula menyasarkan ke atas projek pembinaan di Mukim Kuala Belait. Seramai dua warganegara asing telah pun ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut.

Hasil pemeriksaan yang dijalankan, seorang daripada warganegara asing berkenaan dipercayai melakukan kesalahan Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17, iaitu bekerja bukan dengan majikan asal.

Manakala, seorang lagi dipercayai melakukan kesalahan Peraturan 35(1), Peraturan Imigresen, Penggal 17, iaitu bersubahat melakukan kesalahan Imigresen.

Bagi Operasi Panyap 15/2025 yang dijalankan di rumah penempatan warga asing di Mukim Liang, seorang warganegara asing telah pun ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang setelah gagal mengemukakan sebarang dokumen yang sah.

JIPK turut mengongsikan satu sesi pendakwaan yang telah dijalankan di bawah Akta Imigresen, Penggal 17 sepertimana berikut.

Awang Jasne bin Abd. Mokmin, seorang lelaki, warganegara Malaysia berumur 47 tahun telah pun dijatuhi hukuman penjara selama lima bulan dan tiga kali sebatan setelah mengaku bersalah atas kesalahan di bawah Bab 15(1), iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen beliau mansuh.

Hukuman mula berkuat kuasa

pada 5 Februari 2025. Kes berkenaan adalah susulan daripada Operasi Panyap 13/2025 yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang di rumah dua tingkat di Mukim Pengkalau Batu.

JIPK mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen dengan menghubungi ke Talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).

# RAVENS JUARA KEJOHANAN DODGEBALL



PARA pemain dari Pasukan Ravens semasa sesi bergambar ramai setelah menjuarai kejohanan yang dianjurkan oleh Brunei Dodgeball Association di Fitness Zone.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Ihsan Rashid Julaihi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 10 Februari. - Pasukan *dodgeball* tempatan, Ravens mencipta kejayaan membanggakan selepas muncul juara dalam kejohanan yang dianjurkan oleh Brunei Dodgeball Association di Fitness Zone baru-baru ini.

Pertandingan yang berlangsung sengit itu menyaksikan Ravens menampilkan aksi bertenaga sehingga ke peringkat akhir sebelum menundukkan Laplace dengan keputusan 2-1.

Sementara itu, Pasukan

Boomers turut menunjukkan prestasi cemerlang apabila berjaya menduduki tempat ketiga selepas menewaskan Raven One.

Kejayaan ini mencerminkan perkembangan positif sukan *dodgeball* di peringkat tempatan, sekali gus menjadi pembakar semangat buat pasukan-pasukan lain untuk terus melakar kecemerlangan pada kejohanan akan datang.

Tahniah diucapkan kepada semua pasukan yang bertanding atas usaha dan semangat juang yang tinggi.

## Sukan keluarga eratkan silaturahim



SESI bergambar ramai pada Sukan Keluarga Haji Maidin dan Hajah Salmah (HMHS) bagi Tahun 2025 yang berlangsung di Scoren Court, Jalan Pulaie, Kampung Anggerek Desa.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 10 Februari. - Sukan Keluarga Haji Maidin dan Hajah Salmah (HMHS) bagi Tahun 2025 telah sempurna dilaksanakan

bertempat di Scoren Court, Jalan Pulaie, Kampung Anggerek Desa, baru-baru ini.

Pada acara sukan tersebut, Kumpulan Kuning dinobatkan

sebagai juara, manakala tempat kedua disandang oleh Kumpulan Hijau dan Kumpulan Merah berada tempat ketiga.

Antara sukan yang

Berita dan Foto : Ihsan Asmadi Zainal

dikendalikan adalah sukan futsal, *netball* dan sukan untuk kanak-kanak. Sukan HMHS

merupakan acara tahunan bagi mengeratkan silaturahim keluargaan.

## Hars Elite kuasai kedudukan BPFL



PASUKAN Hars Elite semasa bergambar ramai (kiri), manakala gambar bawah, antara aksi perlawanan Brunei Premier Futsal League (BPFL) 2024-2025.

"Apa yang pasti, dalam perlawanan terakhir ini, para pemain mempunyai tekad untuk mempamerkan mutu permainan futsal yang berkualiti tinggi," ujarnya.

Dalam pada itu, MS PPDB perlu berhati-hati apabila terlebih dahulu melayani PES sebelum bertemu Hars Elite.

MS PPDB juga perlu mengatur langkah lebih konkrit agar tidak retak oleh kebangkitan PES yang berusaha bangkit untuk membuka peluang kembali merebut gelaran di saat akhir.

Secara matematiknya, perebutan sang juara masih terbuka kepada Hars Elite, MS PPDB dan PES yang akan bergantung kepada keputusan perlawanan masing-masing hujung minggu ini.





ePaper Pelita Brunei



## KEJOHANAN BADMINTON BERPASUKAN BUKA TIRAI



ANTARA yang bertanding pada Kejohanan Badminton Berpasukan sempena Sambutan Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Ke-51 Tahun (kiri dan kanan).

**GADONG**, Selasa, 11 Februari. - Kejohanan Badminton Berpasukan sempena Sambutan Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Ke-51 Tahun membuka tirainya bertempat di Kompleks Sukan Menglait, Gadong, baru-baru ini.

Kejohanan ini merupakan anjuran Syarikat Othman & Associates Consulting Engineers dan Pasukan Bola Sepak Selected Stars MD92 dengan kerjasama Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam dan Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sebanyak 10 pasukan menyertai kejohanan ini yang melibatkan 170 pemain.

Antara lain objektif kejohanan diadakan ialah bagi memeriahkan Sambutan Puja

**Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam**

Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ke-51 Tahun di samping mengeratkan silaturahim antara pemain-pemain badminton di negara ini.

Sebanyak empat kategori dipertandingkan iaitu Kategori Beregu Veteran 50 Tahun Ke Atas, Beregu Terbuka Lelaki, Beregu Lelaki Bawah 23 Tahun dan

Beregu Terbuka Wanita.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir menyaksikan kejohanan dan memberikan sokongan kepada pasukan kegemaran masing-masing. Jadual perlawanan dan makluman terkini mengenainya boleh didapati melalui Instagram @supersmasher.bn dan @oace\_badminton.

## Piala Dirgahayu 2025 medan terbaik tonjolkan bakat pemain muda



SEKITAR Majlis Pengundian Kejohanan Piala Dirgahayu 2025 di FABD House, baru-baru ini.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 10 Februari - Kejohanan Bola Sepak merebut Piala Dirgahayu 2025 anjuran Persatuan Bola Sepak Kesatuan Pemuda Pemudi Kampung Sungai Kedayan (KPPKS) menjadi medan terbaik kepada pemain-pemain muda

untuk menonjolkan bakat dan menggilap potensi masing-masing.

Matlamat berkenaan menjadi harapan oleh Pengurus Kejohanan, Awang Matali bin Haji Md. Tahir semasa Majlis Pengundian Kejohanan Piala Dirgahayu 2025 di FABD

House, baru-baru ini.

Kejohanan Dirgahayu 2025 dibuka penyertaan kepada pemain yang berusia bawah 13 (B-13) dan bawah 17 (B-17) tahun ini akan bermula Ahad di Padang FABD dan di Padang Kompleks Sukan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Ihsan Kesatuan Pemuda Pemudi Kampung Sungai Kedayan

Berabas.

Awang Matali melahirkan keyakinan setiap pasukan akan membariskan pemain-pemain yang berbakat dan mantap untuk menampilkan persaingan dengan semangat sukan yang tinggi.

Bagi Kategori B-13 dalam Kumpulan 'A', menyaksikan penyertaan KPPKS, PM FC, Shada FT, PB FA dan COT JPKK sementara Kumpulan 'B' diwakili oleh Sport School Warriors, Dast Football Academy, Projek Ikan Pusu, Junior Soccer dan PKT FT B.

Manakala Kategori B-17 bagi Kumpulan 'A' diberi oleh KPPKS, COT JPKK, Rimba Star FC, Muaz F-Team, PKT

FT, Supa Strikas FC dan Kumpulan 'B' akan menyaksikan persaingan PM FC, Projek Ikat Pusu, Sport School Warriors, Gergasi FC, Kasuka FC dan Shada FT.

Pengurus Pasukan Gergasi FC, Awang Khairul Azim bin Haji Shari mengakui persaingan dalam Kumpulan 'B' lebih mencabar namun ia tidak memberi tekanan untuk mereka memberikan saingan yang jitu dalam perlawanan peringkat kumpulan.

"Kami sedaya upaya menjadi pasukan pencabar dalam kumpulan dan jika pemain berjaya mengadaptasi dan memberikan tumpuan kepada perlawanan, pasukan gergasi akan mampu melangkah lebih jauh," jelasnya.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

BERZIKIR AMALAN YANG SANGAT MULIA DAN DISUKAI ALLAH